

STRUKTUR SOSIAL DI KAMPUNG LUBUK KELUBI  
DAN DI KAMPUNG LABUHAN DAGANG, SELANGOR  
( Satu Kajian Perbandingan )

Bersamaan dengan penulis mohon maklumat dan maklumat mengenai permasalahan kajian ini.

Bersamaan, penulis juga mengucapkan rasa terima kasih kepada Dr. Sulaiman Wahid yang memberi maklumat tambahan ini.

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH

NO. MATRIK 29458

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1978/79

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada beberapa orang yang telah memberikan sumbangan dan galakan sepanjang proses penyiapan latihan ilmiah ini.

Pertamanya, penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Rokiah Talib yang menjadi penyelia latihan ilmiah ini.

Ucapan seterusnya ditujukan kepada kedua ibu bapa penulis yang sentiasa memberikan dorongan dan galakan sepanjang proses penyiapan latihan ilmiah ini. Penulis juga tidak melupakan galakan yang diberikan oleh Pak Ngah, isteri dan anak-anaknya semasa membuat kajian di Kampung Lubuk Kelubi. Disamping itu penulis juga ingin merakamkan rasa terhutang budi penulis kepada keluarga Haji Samakon Moksin yang telah memberikan berbagai kemudahan semasa menginap di Kampung Labuhan Dagang.

Selain daripada itu, penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya dan Arkib Negara yang telah memberikan kerjasama mereka semasa penulis membuat rujukan untuk latihan ilmiah ini.

Akhir sekali, penulis ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan penulis yang sentiasa memberikan dorongan sepanjang penyiapan latihan ilmiah ini dan begitu juga kepada jurutaip yang telah

menaipkan latihan ilmiah ini. sejatinya teknik pengembangan antara struktural sosial di kawasan kota-kota besar, Ulu Langat dan Kawasan Sabah Sepanyang, Kuala Lumpur, Sekolah Langkat, Sekolah Raja. Penulis juga membangun peranannya apabila akhirnya dia struktur sosial di kawasan kota-kota tersebut. Kedua ilmuwan ini dibahagikan kepada empat bahagian.

Bilamana bahagian pertama, penulis memberikan peranan ke atas kajian yang telah dilaksanakan di kawasan kota-kota besar. Selain bahagian pertama, penulis mencarangkan tujuan kajian, bidang kajian, impingan kajian, makalah kajian, metodologi dan penilaian-penilaian makalah. Selain bahagian kedua, penulis memberikan gambaran idea bahagian sejawat dan idea idea di kawasan kota-kota tersebut.

Bilamana bahagian ketiga memberikan maklumat mengenai ke atas struktur sosial di kawasan kota-kota tersebut. Aktiviti kawasan-kawasan tersebut di kota-kota besar, politik politik berbilang parti, perkhidmatan, sekolah-sekolah, subjek subjek tempar tinggi dan buah-buahan. Penulis memberikan peranannya terhadap makalah berbilang makalah dan makalah dan penilaian perpaduan analisis-bentuk yang relevan mungkin di kawasan kota-kota tersebut.

Bilamana bahagian daripada lima, penulis membincangkan tentang organisasi-dependensi model dan politik yang masih wujud di kawasan kota-kota tersebut.

SINOPSIS

Dalam buku ini, penulis memberikan perbandingan dan analisis dari keadaan-kelangsungan yang terdapat di kampung-kampung tersebut. Latihan ilmiah ini adalah satu kajian perbandingan antara struktur sosial di kampung Lubuk Kelubi, Ulu Langat dan kampung Labuhan Dagang, Kuala Langat, Selangor. Penulis juga membincangkan perkaitan antara alam sekitar dan struktur sosial di kedua buah kampung tersebut. Latihan ilmiah ini dibahagikan kepada enam bab.

Dalam bab pertama, penulis memberikan pengenalan ke atas kajian yang telah dilakukan di kedua buah kampung tersebut. Dalam bab pengenalan, penulis menerangkan tujuan kajian, bidang kajian, kepentingan kajian, masalah kajian, metodologi dan penulisan-penulisan awal. Dalam bab kedua, penulis memberikan gambaran latar belakang sejarah dan ilmu alam di kedua buah kampung tersebut.

Bab tiga adalah bab yang memberikan penumpuan yang khusus ke atas struktur sosial di kedua buah kampung tersebut. Antara kandungannya termasuklah jenis-jenis famili, pola-pola kekeluargaan, perkahwinan, perceraian, pola-pola tempat tinggal dan tanah pusaka. Penulis memberikan perhatian terhadap sebab-sebab berlakunya sesuatu fenomena dan proses perubahan sosio-budaya yang sedang berlaku di kedua buah kampung tersebut.

Dalam bab empat dan lima, penulis membincangkan tentang organisasi-organisasi sosial dan politik yang masih wujud di kedua buah kampung tersebut.

Dalam bab keenam, penulis membuat perbandingan dan rumusan dari keterangan-keterangan yang telah dibincangkan. Perbandingan antara struktur sosial itu dikaitkan pula dengan pengaruh dalam setiap kitar dan juga disebaliknya.

Kepustakaan	ix
Abjad	vi
Abjad Majlis	vi
Abjad Jadi	vii
Abjad Jadual	viii

## Bab

I	PENDAHULUAN	
1.1.	Pembentukan	2
1.2.	Tujuan Majlis	3
1.3.	Aidah Majlis	4
1.4.	Raportanggar Majlis	5
1.5.	Majlis Majlis	6
1.6.	Majlis Majlis	6
1.7.	Pembentukan Majlis	7
II	LAGU MELAYU DAN LAGU DILAKUKAN KEPADA LAGU MELAYU DAN LAGU DILAKUKAN	
2.1.	Lagu Melaku Sabah	
	Kerung Sabah Keluli	29
2.2.	Lagu Melaku Selangor	
	Kerung Leburan Sungai	31
2.3.	Lagu Melaku Selangor	
	Kerung Leburan Paku	32
2.4.	Lagu Melaku Selangor	
	Kerung Leburan Sungai	33
III	PERKIRI DAN PENGALAMAN	
3.1.	Perkira	34
3.2.	Jenayahanya Perkira	35
3.3.	Pulu-Pulu Kemerlangan	36
3.4.	Perkira	40

	<u>KANDUNGAN</u>	Halaman
3.3 Persepsi dan...	KANDUNGAN	51
3.4 Pola-Pola Kekeluargaan...	Penghargaan.....	ii
Penghargaan.....	Sinopsis.....	iv
Sinopsis.....	Kandungan.....	vi
Kandungan.....	Senarai Peta.....	vi
Senarai Peta.....	Senarai Rajah.....	vii
Senarai Rajah.....	Senarai Jadual.....	vii
Senarai Jadual.....		
<u>Bab</u>		
<b>I PENGENALAN</b>		
1.1. Pengenalan.....	1.1. Pengenalan.....	2
1.2. Tujuan Kajian.....	1.2. Tujuan Kajian.....	3
1.3. Bidang Kajian.....	1.3. Bidang Kajian.....	4
1.4. Kepentingan Kajian.....	1.4. Kepentingan Kajian.....	5
1.5. Masalah Kajian.....	1.5. Masalah Kajian.....	6
1.6. Metodologi.....	1.6. Metodologi.....	8
1.7. Penulisan-Penulisan Awal.....	1.7. Penulisan-Penulisan Awal.....	II
<b>II LATAR BELAKANG SEJARAH DAN ILMU ALAM KAMPUNG LUBUK KELUBI DAN KAMPUNG LABUHAN DAGANG</b>		
2.1 Latar Belakang Sejarah		
Kampung Lubuk Kelubi .....	Kampung Lubuk Kelubi .....	15
2.2 Latar Belakang Sejarah		
Kampung Labuhan Dagang.....	Kampung Labuhan Dagang.....	21
2.3 Latar Belakang Ilmu Alam		
Kampung Lubuk Kelubi.....	Kampung Lubuk Kelubi.....	26
2.4 Latar Belakang Ilmu Alam		
Kampung Labuhan Dagang.....	Kampung Labuhan Dagang.....	28
<b>III FAMILI DAN KEKELUARGAAN</b>		
3.1 Famili.....	3.1 Famili.....	34
3.2 Jenis-Jenis Famili.....	3.2 Jenis-Jenis Famili.....	35
3.3 Pola-Pola Kekeluargaan.....	3.3 Pola-Pola Kekeluargaan.....	38
3.4 Perkahwinan.....	3.4 Perkahwinan.....	40

3.5	Perceraian.....	51
3.6	Pola-Pola Tempat Tinggal..... Selepas Kahwin.....	52
3.7	Tanah Pusaka.....	54
<b>IV</b>	<b>ORGANISASI-ORGANISASI SOSIAL</b>	
4.1	Institusi Gotong Royong.....	58
4.2	Persatuan Belia.....	62
4.3	Kemajuan Masyarakat.....	64
4.4	Ikatan Relawan Rakyat.....	66
<b>V</b>	<b>POLITIK DAN KEPIMPINAN</b>	
5.1	Pemimpin.....	68
5.2	Pemilihan Ketua Kampung.....	72
5.3	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).....	75
5.4	Politik.....	78
5.5	Konflik.....	79
<b>VI</b>	<b>RUMUSAN DAN PENUTUP</b>	
	Lampiran I.....	103
	Bibliografi.....	98

SENARAI PETA

<u>Peta</u>	<u>Halaman</u>
1 - Kedudukan Kampung Sungai Lui, Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang.....	1
2 - Minangkabau.....	14
3 - Penghijrahan Orang-Orang Indonesia Ke Tanah Melayu.....	18
4 Kedudukan Kampung Labuhan Dagang.....	20
5 - Kampung Lubuk Kelubi.....	25
6 - Persekitaran Kampung Labuhan Dagang.....	29

SENARAI RAJAH

<u>Rajah</u>		<u>Halaman</u>
3.4 Perkahwinan Yang Digalakkan dikalangan Orang-Orang Minangkabau .....		41
3.41 Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan Di Kampung Labuhan Dagang.....		47
3.42 Perkahwinan Yang Dibolehkan Tetapi Tidak Digalakkan di Kampung Labuhan Dagang....		47
3.43 Perkahwinan Yang Dibenarkan di Kampung Labuhan Dagang.....		48
5.1 Salasilah Ketua Kampung Labuhan Dagang....		71

SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>		<u>Halaman</u>
2.1 Bilangan Orang-Orang Sumatera ke Tanah Melayu Dari Tahun 1901-1935 .....		17
2.2 Jumlah Semua Penduduk Indonesia Di Tanah Melayu Pada Tahun 1947.....		24
3.2 Jenis-Jenis Famili Kampung Lubuk Kelubi...		35
3.21 Jenis-Jenis Famili Kampung Labuhan Dagang..		37
3.4 Pasangan Lelaki Kampung Lubuk Kelubi Berdasarkan Tempat Kelahiran.....		43
3.41 Pasangan Perempuan Kampung Lubuk Kelubi Berdasarkan Tempat Kelahiran.....		43
3.42 Pasangan Lelaki Kampung Labuhan Dagang Berdasarkan Tempat Kelahiran.....		48
3.43 Pasangan Perempuan Kampung Labuhan Dagang Berdasarkan Tempat Kelahiran.....		49

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Kajian ini adalah merupakan lanjutan dari kajian kumpulan nengnai alam sekitar dan ekologi manusia disepanjang Sungai Langat, Selangor. Kajian kumpulan tersebut telah dijalankan oleh lapan orang pelajar dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, saudara Albert Gomes dan seorang pelajar dari Fakulti Sains, Universiti Malaya. Kajian kumpulan tersebut adalah dibawah pengawasan tiga orang pensyarah dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya terdiri daripada Dr. Terry Rambo, Dr. Rokiah Talib dan Puan Mazideh Zakaria. Kajian kumpulan tersebut telah dijalankan pada bulan April-Mei, 1977 selama lebih kurang sebulan.

Kawasan kajian kumpulan tersebut telah dibahagikan kepada tiga iaitu kawasan-kawasan Ulu, Tengah dan Kuala Sungai Langat. Di-kawasan Ulu, penempatan orang-orang Asli Sungai Lui telah dipilih; Kampung Labuk Kelubi mewakili kawasan Tengah dan Kampung Labuhan Dagang mewakili kawasan Kuala (sila lihat Peta I). Dalam kajian kumpulan tersebut beberapa bahagian telah dikaji iaitu:

i) Demografi Sosial.

ii) Nutrient Flow

iii) Ecosystem.

iv) Penyesuaian Psikologi Penduduk.

Sebagai lanjutan dari kajian kumpulan tersebut, penulis telah membuat kajian tentang struktur sosial pula. Dalam kajian ini, penulis telah memilih dua kawasan kajian iaitu Kampung Lubuk Kelubi, Ulu Langat mewakili kawasan tengah dan Kampung Labuhan Dagang, Banting mewakili kawasan Kuala Sungai Langat. Untuk kajian ini, penulis telah tinggal selama lebih kurang sebulan setengah di dua buah kampung tersebut iaitu pada bulan April – Mei, 1978. Selanjutnya, untuk kajian ini penulis membuat perbandingan struktur sosial di Kampung Lubuk Kelubi yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang-orang Minangkabau dengan Kampung Labuhan Dagang yang majoritinya pula terdiri daripada orang-orang Jawa.

### 1.2 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian alam sekitar dan ekologi manusia di sepanjang Sungai Langat itu ialah untuk mendapatkan segala keterangan dan maklumat mengenai punca-punca dan kesan-kesan fenomena pencemaran alam sekitar. Dalam kajian lanjutan ini, penulis akan melihat perkaitan antara struktur sosial dan alam sekitar di kedua buah kampung tersebut. Selanjutnya, penulis cuba membuat perbandingan struktur sosial diantara Kampung Lubuk Kelubi yang mana majoriti penduduknya terdiri daripada orang-orang Minangkabau dengan penduduk Kampung Labuhan Dagang yang majoritinya terdiri daripada orang-orang Jawa. Dengan adanya

perbandingan secara khusus terhadap orang Melayu keturunan Minangkabau dan Jawa ini maka penulis akan dapat memaparkan nilai, sikap dan tanggapan orang-orang Melayu kini yang menghadapi proses proses perubahan sosial dan modenisasi.

### 1.3 Bidang Kajian

Pada dasarnya kajian ini adalah bertujuan untuk melihat struktur sosial di Kampung Lubuk Kelubi dan di Kampung Labuhan Dagang. Dalam kajian tentang struktur sosial ini, penulis membuat penekanan terhadap famili dan kekeluargaan. Segala aspek mengenai famili dan kekeluargaan seperti bentuk-bentuk famili, pola-pola kekeluargaan, perkahwinan, perceraian dan tanah pusaka. Sebab-sebab berlakunya perubahan di dalam aspek-aspek famili dan kekeluargaan akan juga dinyatakan.

Disamping itu, penulis akan cuba membuat penilaian tentang beberapa konsep penting seperti konsep-konsep orang semenda, suku, mamak dan gotong royong. Begitu juga tentang kepimpinan dan peranan anggota-anggota famili yang tertentu. Segala aspek yang dibincangkan adalah dinilai dengan melihat keadaan dahulu, tanggapan ideal dan juga keadaan yang dipraktiskan sekarang. Penerangan tentang sebab-sebab berlakunya sesuatu fenomena akan dititikberatkan didalam kajian ini. Penulis juga akan menyentuh tentang organisasi-organisasi sosial dan politik. Akhir sekali, penulis akan membincangkan sebab-sebab berlakunya

konflik di kedua buah kampung tersebut.

Segala keterangan dan maklumat tentang struktur sosial di Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang akan dibuat perbandingan. Dengan itu, penilaian secara khusus dari kajian perbandingan ini akan dapat memberikan gambaran umum terhadap masyarakat Melayu yang berasal dari kepulauan Indonesia. Dan secara khususnya pula, memberikan gambaran keadaan hidup dan struktur sosial orang-orang Melayu keturunan Jawa dan Minangkabau.

#### 1.4. Kepentingan Kajian

Kajian lanjutan ini akan dapat memberikan keterangan-keterangan yang baharu tentang struktur sosial masyarakat Melayu di Malaysia. Seterusnya, penulis juga akan dapat menilai sejauh-mana fenomena alam sekitar mempunyai perhubungan dengan struktur sosial di kedua buah kampung tersebut.

Kajian ini juga akan melengkapkan lagi kajian kumpulan yang awal. Dengan memberikan gambaran tentang struktur sosial, penulis dapat menerangkan kesan-kesan penghijrahan orang-orang Melayu ke bandar-bandar dan melihat sejauhmana perubahan yang berlaku pada struktur sosial itu akibat dari proses perubahan sosial dan modenisasi dikalangan penduduk-penduduk Kampung Lubuk Kelubi yang terletak hampir dengan bandaraya manakala Kampung Labuhan Dagang pula agak jauh dari bandar besar.

### 1.5 Masalah Kajian

Pada keseluruhannya, penulis tidak menghadapi masalah yang besar ketika membuat kajian ini kerana pengkaji-pengkaji awal telah memberikan panduan sebelum kajian dimulakan. Disamping itu, ketua-ketua kampung yang terlibat telah memberitahu penduduk Kampung masing-masing tentang kedatangan penulis pada permulaan kajian.

Kesan-kesan positif yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji awal telah menyenangkan penulis membuat kajian ini. Walaubagaimanapun, beberapa masalah kecil telah dihadapi oleh penulis ketika membuat kajian ini. Antara beberapa masalah yang telah dihadapi oleh penulis :

- i) Di Kampung Lubuk Kelubi, penulis menghadapi masalah apabila menjalankan temuramah ke atas responden-responden yang mempunyai berbagai-bagai jenis pekerjaan (Lihat Mohd Nawi, 1977/78:15). Jadi untuk menemuramah responden-responden terpaksa dilakukan secara informal di kedai runcit, didalam masjid dan juga di kebun mereka.
- ii) Di Kampung Labuhan Dagang agak berlainan pula. Responden-responden yang terlibat digolongkan oleh saudara Anwar Mohd Jani (1977/78:24) kepada empat kategori iaitu:
  - a) Berkebun/pekerjaan pertanian.
  - b) Buruh kasar.

- c) Berniaga.
- d) Menangkap Ikan/Udang.

Kebanyakan mereka tidak mempunyai masa kerja (working schedule) yang tetap. Penulis kadangkala terpaksa pergi ke kebun-kebun responden yang terlibat dan juga berbual secara informal.

iii) Ketika menemuramah responden-responden di Kampung Lubuk Kelubi, penulis tidaklah menghadapi masalah bahasa kerana penulis dapat bertutur dalam bahasa ataupun dialek Minang seperti mereka. Walaubagaimanapun, semasa menemui responden-responden di Kampung Labuhan Dagang, penulis kadangkala tidak dapat memahami pertuturan orang-orang Jawa. Ini hanya berlaku dikalangan responden-responden yang telah lanjut (tua) usianya. Responden-responden tersebut terpaksa meminta anak-anak ataupun jiran mereka untuk menerangkan kepada penulis semasa temuramah itu.

iv) Semasa penulis membuat temubual di Kampung Lubuk Kelubi, beberapa orang responden mempunyai sikap yang negatif terhadap penulis kerana beberapa soalan yang dikemukakan seperti sebab-sebab bercerai dirasakan begitu sensitif kepada mereka. Penulis terpaksa mengutarakan soalan-soalan lain dengan segera bila responden menjadi sensitif.

v) Ada ketikanya penulis terpaksa menerangkan kepada responden tentang tujuan sebenar kajian penulis memandangkan tanggapan mereka

yang salah terhadap penulis. Umpamanya, semasa di Lubuk Kelubi beberapa orang responden bertanya, " Nak beri rumahkah ? ". Ini disebabkan adanya ura-ura pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk mendirikan rumah berderet dipinggir kampung itu, menurut Ketua Kampung Lubuk Kelubi. Manakala ketika di Kampung Labuhan Dagang pula ada responden yang bertanya, " Nak beri tanahkah ? ". Jelas disini bahawa responden-responden di Kampung Labuhan Dagang sungguh berminat tentang tanah kerana kurangnya tanah untuk mereka berkebun. Ada juga responden yang cuba mengaitkan penulis dengan suasana pilihanraya yang dikatakan hampir menjelang ketika itu. Semua tanggapan mereka yang salah itu telah dapat dijelaskan oleh penulis dengan baiknya.

#### 1.6 Metodologi

Pengkaji telah tinggal selama enam minggu di kedua buah kampung tersebut. Di kampung Lubuk Kelubi, penulis tinggal selama tiga minggu dan di Kampung Labuhan Dagang selama tiga minggu juga. Dalam membuat kajian (fieldwork) ini penulis menggunakan berbagai cara untuk mendapatkan butir-butir yang diperlukan. Dengan menggunakan kaedah antropologi dan sosiologi, penulis telah memilih tiga cara dalam kajian ini. Penulis telah menyesuaikan tiap-tiap satu cara berdasarkan kepada keadaan supaya kesahan fakta-fakta yang didapati boleh dibandingkan dan tidak berlaku bias.

Untuk kajian di Kampung Lubuk Kelubi, seranai 72 orang

responden telah dijadikan sample. Setiap responden mewakili satu household. Begitu juga di Kampung Labuhan Dagang, seramai 61 orang responden telah dijadikan sample. Kesemua responden yang terlibat telah dapat menerima penulis dengan baiknya. Ini mungkin disebabkan responden-responden tersebut merupakan sample yang sama dalam kajian kumpulan yang dijalankan terdahulu dari kajian ini.

Kaedah yang pertama dalam kajian ini ialah temubual (interview) ataupun temuramah dengan responden-responden di kedua buah kampung. Kaedah ini merupakan sumber yang penting di dalam kajian ini. Dengan menemubual responden-responden, mereka tidak terikat dengan soalan-soalan yang khusus seperti menggunakan kaedah questionnaire. Dengan cara ini penulis lebih mudah mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan kerana umumnya masyarakat kampung Melayu tidak akan merasakan kemesraan dengan soalan-soalan yang terikat dimana mereka tidak begitu memahaminya.

Selain daripada menemubual responden-responden, penulis juga telah menemuramah beberapa orang tokoh yang berkaitan dengan kedua buah kampung yang dikaji. Antaranya termasuklah :

- i) Ketua Kampung.
- ii) Penghulu Mukim.
- iii) Gurubesar dan guru-guru.
- iv) Imam Masjid.
- v) Pegawai Daerah dan Penolongnya.

- vi) Ketua Persatuan Belia.
- vii) Pelajar-pelajar dari pusat-pusat pengajian tinggi.
- viii) Penduduk awal di Kampung tersebut.
- ix) Lain-lain personaliti yang berkaitan.

Dengan menemuramah personaliti-personaliti yang disenarai-kan diatas maka fakta-fakta yang didapati boleh dibuat perbanding (cross-checked) supaya kesahannya dapat diterima.

Kaedah kedua iaitu dengan menggunakan cara participant-observation. Penulis dapat memerhatikan keadaan interaksi anggota-anggota masyarakat kedua buah kampung yang dikaji. Pemerhatian ditumpukan terhadap perhubungan diantara famili dan kekeluargaan responden-responden yang terlibat. Selain dari itu penulis juga memerhatikan pola-pola perhubungan diantara anggota-anggota kampung kajian dengan masyarakat luar. Selanjutnya, dengan cara pemerhatian penulis dapat mencungkil aspek-aspek yang menjadi rahsia seperti pilihan perkahwinan dan sebagainya.

Dengan menggunakan kaedah kedua ini, penulis telah dapat menyertai kegiatan-kegiatan dan beberapa aspek kehidupan masyarakat di kedua buah kampung tersebut. Disamping menemuramah para responden, penulis telah pergi ke kebun-kebun responden untuk menolong mereka menanam, membaja dan memungut hasil tanaman seperti ubikayu, kelapa sawit dan kopi. Penulis juga telah menyertai kegiatan belia. Umpamanya, di Kampung Labuhan Dagang, penulis telah pergi ke Sekolah

Kebangsaan Labuhan Dagang melihat pesta sukan belia dan beliawanis. Penyertaan penulis di kedua buah kampung tersebut dapat di terima oleh semua pihak kerana penulis dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat kedua buah kampung tersebut.

Kaedah yang terakhir sekali ialah mendapatkan fakt-fakta melalui bahan-bahan penulisan samada berbentuk kajian-kajian ilmiah maupun buku-buku penulisan orang-orang tempatan dan luar negeri berkenaan dengan struktur sosial. Bahan-bahan tersebut didapati dari perpustakaan tempatan. Bahan-bahan lain seperti peta dan lapuran-lapuran pentadbir dahulu hingga kini didapatkan dari pejabat-pejabat daerah yang berkenaan dan juga pihak Arkib Negara. Kajian kumpulan yang terdahulu dari kajian ini juga menjadi sumber rujukan yang penting.

#### 1.7 Penulisan-penulisan Awal

Penulisan-penulisan tentang struktur sosial memang telah banyak diterbitkan samada di dalam negeri maupun di luar negeri. Selain dari itu terdapat juga sarjana-sarjana tempatan dan luar negeri membuat kajian yang khusus terhadap masyarakat-masyarakat yang tertentu. Ada diantaranya yang membuat penekanan terhadap aspek-aspek yang tertentu pula.

Salah seorang pengkaji yang agak terkenal di Amerika Syarikat telah membuat satu kajian tentang struktur sosial 250

masyarakat seluruh dunia iaitu George Peter Murdock dalam bukunya Social Structure (1949). Beliau telah menggunakan kaedah Cross-Cultural Survey dimana fail-fail tentang lebih dari 150 masyarakat seluruh dunia dapat dikumpulkan. Beliau telah dapat menyusun satu jadual data yang diperlukan tentang famili, kekeluargaan, 'kin', dan 'local groups', perkahwinan dan perlakuan jantina. Walaubagaimanapun, Murdock tidak melakukan fieldwork seperti kebanyakan ahli antropologi.

Seorang pengkaji tempatan, Tan Keng Sooi<sup>1</sup> telah membuat kajian Struktur Sosial dan Demografi Orang-Orang Melayu di Kuala Kedah. Beliau pula menggunakan kaedah questionnaire untuk mendapatkan keterangan tentang perhubungan kekeluargaan, pola-pola pemilikan tanah, pemilikan bot, perikanan, organisasi-organisasi sosial dan politik. Menurut beliau, masyarakat Melayu Kuala Kedah dapat dicirikan dengan keadaan kesetabilannya. Beliau juga menyarankan supaya masalah lebihan Penduduk diatasi dengan menyerapkan mereka ke dalam rancangan Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan).

Seorang sarjana luar negeri, P. Josselin de Jong dalam bukunya, Minangkabau and Negri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia (1974) ada juga menyentuh tentang struktur sosial orang-orang Minangkabau di Indonesia dan di Negri Sembilan. Walaubagaimanapun, kajian perbandingan beliau itu hanya tertumpu kepada masyarakat Minangkabau di kedua buah tempat itu sahaja. Beliau

menekan tentang organisasi-organisasi sosial dan politik serta trend moden yang dibuat secara perbandingan.

Jelaslah disini bahawa kajian perbandingan secara khusus antara masyarakat Jawa dan masyarakat Minangkabau di negara kita ini kecil bilangannya ataupun tidak ada langsung. Apa yang menarik dalam kajian ini ialah orang-orang Minangkabau di Kampung Lubuk Kelubi tidak mengikut Adat Perpatih seperti saranan De Jong (1974: 31-32). Berlainan dengan kajian Tan Keng Sooi yang mengkaji penangkap-penangkap ikan, penulis menitikberatkan dua masyarakat Melayu yang berlatarbelakang pertanian sebagai aktiviti kehidupan yang mengalami proses perubahan sosial. Dengan adanya kajian ini bukan sahaja menambahkan lagi bilangan bahan rujukan untuk kajian selanjutnya malahan segala keterangan dapat memperihalkan keadaan struktur sosial masyarakat luar bandar Melayu yang masih wujud kini.

---

Nota-kaki:

<sup>1</sup> Bekas pensyarah di Jabatan Antrópologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Beliau telah menulis artikel tentang Demography and the Social Structure of the Malays of Kuala Kedah dalam Development Forum, Vol.VI, NO. I, June, 1976.

## MINANGKABAU



NJUK

- TASIK
- AGAM
- L. KOTO
- TANAH DATAR
- G. MARAPI

ALAHAN PANDUANG  
BUD  
BATIPUEH  
FT. V.D. CAPELLEN (PAGAR RUEUENG)  
FT. DE KOCK  
KUMANIH  
KOTO BARU  
LUBUB' SIKAPING  
LUBUB' AMBATJANG  
MANINDJAU  
PAJOKUMBUOH  
PADANG GANTIENG  
PADANG  
PALEMPAJAH

P.m.	= PARIAMAN
Pn.	= PAJANAN
P.P.P.	= PARIANGAN PADANG PANDUANG
R.	= RAD
B.	= SULIKI
B.D.	= SI BUUNDJUNG
Bg.	= SUPAJANG
Si	= SINGKARA'
B.L.	= SAWAH LUUTO
Bo.	= SOLO'
B.T.	= SUNGAI TARO'
Bu.	= SURUASO
T.	= TIKU

## BAB II

### LATAR BELAKANG SEJARAH DAN ILMU ALAM KAMPUNG LUBUK KELUBI DAN KAMPUNG LABUHAN DAGANG

#### 2.1 Latar belakang Sejarah Kampung Lubuk Kelubi

Pada awalnya, Kampung Lubuk Kelubi didiami oleh orang-orang asli Temuan. Mereka memanggil nama kampung ini sebagai Tanjung Pauh. Kampung Lubuk Kelubi dinamakan oleh orang-orang Minangkabau yang datang berhijrah dari Sumatera Barat. Semasa itu terdapat banyak pokok Kelubi dipinggir dan lubuk Sungai Langat. Orang-orang Minangkabau yang awal sekali datang ke Kampung Lubuk Kelubi diketuai oleh Tuan Haji Muhammad<sup>1</sup> pada tahun 1911. Pada masa itu hanya terdapat 13 keluarga sahaja. Menurut Tunku Shamsul (1964:76);

"Thus, Lubuk Kelubi which had only 13 families in 1911, had increased to 138 by 1962, and the 20 families that opened up Kampong Sg. Lui in 1916 had increased to 275 by 1962."

Penghijrahan oleh orang-orang Minangkabau secara ber-peringkat-peringkat menyebabkan Kampung Lubuk Kelubi menjadi besar hingga terbentuknya dua buah kampung baharu iaitu Kampung Padang diutara dan Kampung Kuala Pardik di selatannya. Ketiga-tiga kampung ini adalah ditadbirkan oleh Ketua Kampung Lubuk Kelubi<sup>2</sup>.

orang-orang Minangkabau mengenali Tanah Melayu ketika itu sebagai Kolang (Kelang). Mulai awal abad ke 20 orang-orang Minangkabau beransur-ansur datang ke Tanah Melayu. Menurut Tunku Shamsul Behrin, (1967:276);

bahawa rezeki ada di mana-mana dan boleh di cari. Dari segi faktur tolakan, merantau itu boleh dibahagi kepada dua kategori: merantau kerana tolakan keadaan dan merantau kerana tolakan Adat. Kadang-kadang kedua-dua tolakan ini tolong menolong (Nordin Selat, 1975:157). Menurut Nordin Selat lagi, adik beradik lelaki berselisih faham kerana salah bahagi harta carian manakala pihak perempuan berselisih faham akibat pembahagian tanah pusaka (1975:158). Jelasnya, perselisihan faham dalam keluarga ialah salah satu punca merajuk yang banyak menggerakkan orang untuk merantau.

Pada mulanya orang-orang dari Sumatera datang ke Kampung Lubuk Kelubi ialah untuk melawat saudara mara tetapi bila didapati bahawa tempat itu mempunyai persekitaran yang sama seperti di Sumatra maka mereka mengambil keputusan untuk tinggal tetap.

#### JADUAL 2.1

##### BILANGAN ORANG SUMATERA KE TANAH MELAYU DARI TAHUN 1901-1935


Negeri	Bilangan	Peratus
1901-1910	9,931	9.7
1911-1920	26,247	25.6
1921-1930	27,472	26.8
1931-1935	8,515	8.4

Puncas: 1947 Census Report of Malaya, halaman 344-350

Notas: Bilangan yang terdapat dalam Jadual 2.1

PETA 3

## PENGHIJRAHAN ORANG-ORANG INDONESIA KE TANAH MELAYU



adalah merupakan sebahagian dari jumlah keseluruhan penghijrah Indonesia dari tahun 1901 hingga tahun 1935.

Kampung Lubuk Kelubi dibuka dalam tahun 1911. Dari Jadual 2.1, tahun 1911-1920 menunjukkan pertambahan bilangan penghijrah ke Tanah Melayu hampir 3 kali ganda dari tahun 1901-1910. Meningkatnya penghijrahan ke Tanah Melayu pada tahun-tahun tersebut bukan sahaja terdiri daripada orang-orang Minangkabau bahkan terdapat juga orang-orang Sumatera dari Palembang, Kerinci, Mendailing dan Kampar (sila lihat peta 3). Menurut Tugby (1977:28):

"Local irritations in Sumatra may have caused the Mandailingers to seek their fortune (merantau) in Malaya but the decision to migrate (pindah) was economically based."


Dalam Kampung Lubuk Kelubi orang-orang Kerinci dan Palembang adalah kumpulan-kumpulan minoriti manakala majoritinya adalah orang-orang Minangkabau. Kedatangan penghijrah-penghijrah dari Sumatera telah diterima dengan baik oleh penduduk tempatan. Mereka berasimilasi dengan orang tempatan yang mengikuti Adat Temenggung<sup>4</sup>. Mereka tidak beratkan adat Minangkabau tetapi bertepatan dengan pepatah yang berbunyi :

" Lain padang lain belalang,  
Lain lubuk lain ikan,  
Dimana langit dijunjung  
Disitu ranting dipatah,  
Disitu air di sauk. "

Sebab itu orang-orang Minangkabau, Palembang dan Kerinci yang menjadi penduduk Kampung Lubuk Kelubi mengikuti adat resam orang-

PETA 4

KEDUDUKAN LABUHAN DAGANG



umber: Anwar Mohd Jani, Satu Kajian Demografi Sosial Keatas Penduduk di Labuhan Dagang, Banting, Selangor, 1977:72

orang tempatan seperti Adat Temenggung (lihat Winstedt, 1961 dan de Jong, 1974). Walaubagaimanapun, penduduk Kampung Lubuk Kelubi menggunakan dialek Minang dalam pertuturan mereka. Perpindahan berterusan tanpa adanya sekatan dari pihak-pihak Inggeris dan Belanda. Sehingga tahun 1972 perpindahan yang terakhir berlaku di Kampung Lubuk Kelubi (lihat Mohd Nawi, 1977:47). Selepas itu, penghijrahan tidak lagi berlaku kerana kawalan yang ketat oleh pihak Imigresen Malaysia.

## 2.2 Latar Belakang Sejarah Kampung Labuhan Dagang

Kampung Labuhan Dagang dibuka pada tahun 1928 oleh Tok Dagang Kassim<sup>6</sup> yang menjadi Ketua kepada 12 keluarga yang terdiri daripada orang-orang Bugis. Sebelum datang ke Labuhan Dagang mereka berasal dari Sungai Maggis, Tanjung Dua Belas (Sila Lihat peta 4). Tiga tahun selepas itu, pada tahun 1931 orang-orang Jawa datang berhijrah ke Kampung Labuhan Dagang. Nama Labuhan Dagang berasal dari sampan-sampan yang membawa barang dagangan dan singgah (berlabuh) di Labuhan Dagang untuk berniaga. Pedagang-pedagang menggunakan Sungai Langat sebagai sistem perhubungan yang utama ketika itu. Kedatangan orang-orang Bugis ialah untuk membuka tanah yang dibeli \$30.00 satu lot.<sup>7</sup> Orang-orang Bugis datang membuka tanah di Kampung Labuhan Dagang adalah untuk menanam padi dan getah. Selain dari itu mereka juga menanam pokok-pokok buah-buahan jangka panjang seperti durian dan manggis.

Sheikh-Sheikh melalui Singapura (Husin, 1962). Mereka datang ke Kampung ini membeli tanah-tanah baru dari orang-orang Bugis. Ada juga yang menjadi anak angkat orang-orang Bugis menolong menanam tanaman seperti kopi liberia (F.M.S., 1898:34). Ini disebabkan harga kopi yang tinggi pada tahun-tahun 1894-1896 jika dibandingkan dengan padi.

Kedatangan orang-orang Jawa ke Kampung Labuhan Dagang juga adalah secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat awal, mereka adalah terdiri daripada buruh-buruh yang telah bebas dari ikatan kontrak. Setelah menetap, mereka membawa saudara mala dan juga keluarga masing-masing dari kawasan-kawasan sekitar daerah Kuala Langat dan ada juga yang datang terus dari pulau Java. Kesan dari kemerosotan ekonomi di kepulauan Indonesia termasuk pulau Jawa telah menyebabkan pertambahan penghijrahan ke Tanah Melayu (lihat Anwar Jani, 1977:70-73). Kesan dari penghijrahan ini jelas membuktikan pertambahan bilangan orang-orang Jawa terus meningkat (sila lihat Jadual 2.2). Jelasnya, pada tahun 1947, orang-orang Jawa merupakan majoriti penduduk Kampung Labuhan Dagang.

JADUAL 2.2

JUMLAH SEMUA PENDUDUK INDONESIA DI  
TANAH MELAYU PADA TAHUN 1947

Orang-orang Jawa	189,400
Orang-orang Banjar	62,400
Orang-orang Sumatera	26,300
Orang-orang Boyan	7,000
Lain-lain	24,050
Jumlah	309,150

Punca : 1947 Census Report of Malaya.

Nota : Lain-lain penghijrah adalah dari  
bahagian-bahagian lain di Indonesia.

Pada mulanya orang-orang Bugis ini memandang rendah kepada orang-orang Jawa. Pernah dikatakan bahawa orang-orang Jawa ini sebagai pemakan katak (Tunku Shemsul Bahrin, 1964:186). Walaubagaimanapun, kenyataan itu tidak berasas sama sekali. Pada masa sekarang, kedudukan ekonomi orang-orang Jawa di Kampung Labuhan Dagang adalah lebih tinggi daripada orang-orang Bugis. Sifat kerajinan orang-orang Jawa menjadi sanjungan dan pujian kepada orang-orang Bugis tempatan dan juga pelawat-pelawat dari luar.

### 2.3 Latar belakang Ilmu Alam Kampung Lubuk Kelubi

Kampung Lubuk Kelubi terletak di timur bandaraya Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia. Ia dihubungi dengan sistem jalanraya kira-kira 20 batu dari Kuala Lumpur dan 17 batu dari Kajang. Kampung Lubuk Kelubi ditadbirkan oleh seorang ketua kampung. Beliau juga menjadi ketua dua buah kampung yang lain iaitu Kampung Padang dan Kampung Kuala Perdik. Ketiga-tiga kampung tersebut berada di dalam Mukim Ulu Langat<sup>8</sup> yang ditadbirkan oleh seorang Penghulu yang mempunyai pejabatnya di Batu 14, Ulu Langat. Kampung Lubuk Kelubi ini juga adalah di bawah pentadbiran Daerah Ulu Langat.

Sistem perhubungan jalanraya sangat berguna kepada penduduk Kampung Lubuk Kelubi. Kampung ini dihubungkan oleh sebatang jalanraya sepanjang 11 batu dari persimpangan pekan Batu Sembilan dimana terdapatnya jalan besar Kuala Lumpur-Seremban (lihat peta 1). Sekarang satu lencungan baharu telah dibuat di Batu 8, Jalan Ceras hingga ke Batu 11, Jalan Kuala Lumpur-Seremban (Jalan Ceras).

Di Kampung Lubuk Kelubi terdapat petempatan yang berjajar (lihat peta 5) sepanjang jalanraya (Jalan Ulu Langat) ke Pansoon. Di timur dan barat kampung ini ialah kawasan yang berbukit-bukit. Sungai Langat dan Sungai Perdik merupakan dua buah sungai yang digunakan oleh penduduk Kampung Lubuk Kelubi. Petempatan yang berjajar di kampung ini dapat dilihat rumah-rumah Melayu tradisional

dan juga yang berbentuk moden sesuai dengan proses perubahan sosial yang telah meresap. Ini mungkin kerana ia begitu hampir dengan bandaraya Kuala Lumpur. Di kawasan petempatan ini juga terdapatnya kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosial seperti jalanraya, api letrik, paip air, mesjid, balairaya dan kedai-kedai runcit. Sekolah Kebangsaan Lubuk Kelubi pula terletak di Kampung Kuala Perdik.

Kegiatan pertanian pada awalnya sangat penting di kampung ini. Mereka menanam tanaman jangka pendek seperti serai, kunyit, pucuk paku, ubi kayu, keledek, jagung dan pisang. Seramai 11 orang peniaga yang terdapat di kampung Lubuk Kelubi adalah terdiri daripada peniaga-peniaga sayur-sayuran dan tanaman di atas. Mereka ini bermiaga di Pasar Minggu, Kuala Lumpur. Selain dari itu terdapat pula golongan pekedai runcit yang menampung keperluan penduduk kampung itu. Selain dari itu terdapat pula tanaman jangka panjang seperti pokok-pokok getah, padi, kelapa, dan pokok buah-buahan tempatan seperti durian, manggis, rambutan, langsat, cempedak yang di tanam didusun-dusun. Selain dari kegiatan tersebut, penduduk Lubuk Kelubi juga ada yang mencari buluh dan rotan di hutan yang berhampiran.

Salah satu daripada ciri-ciri perubahan sosial yang terdapat di kampung Lubuk Kelubi ialah perubahan pekerjaan tradisional kepada pekerjaan moden. Seramai 29 orang lelaki (40.38%) dan 4 orang perempuan (36.36%) adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan (lihat Mohd Nawi, 1977:15).

kegiatan perniagaan. Penulis dapat memerhatikan betapa terbiarnya kawasan sawah padi, kawasan kebun getah dan juga dusun penduduk Lubuk Kelubi. Penulis diberitahu bahawa terdapat penduduk yang mengupah menoreh dengan dua cara. Pertama, hasil jualan dibahagi dua antara tuan punya kebun getah dan penoreh. Kedua, pembahagian sepuluh-enam, dari hasil yang diterima, tuan punya kebun mendapat empat bahagian dan penoreh dapat enam bahagian. Kemunculan kawasan-kawasan perusahaan di daerah Ulu Langat seperti di Suntex Garden, Batu 8, Jalan Ceras, Batu 11 dan Kajang serta hampirnya dengan Kuala Lumpur maka trend belia dan beliawanis berhijrah ke bandar-bandar sangatlah ketara.


Pada pemerhatian penulis, golongan tua sahaja yang masih banyak menetap di kampung Lubuk Kelubi. Golongan muda ramai yang berhijrah ke luar (lihat Mohd Nawi, 1977:50) iaitu lingkungan usur 21-25 seramai 8 lelaki (38.10%) dan 7 perempuan (46.66%) adalah golongan yang paling ramai.

#### 2.4 Latar belakang Ilmu Alam Kampung Labuhan Dagang.

Kampung Labuhan Dagang terletak di selatan bandaraya Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia. Seperti juga Kampung Lubuk Kelubi, ia hanya dihubungi dengan sistem jalan raya kira-kira 12 batu dari bandar Banting. Ia juga boleh dihubungi dengan dua batang jalan raya dari Kuala Lumpur. Pertama, menerusi bandar di raja Kelang, Banting dan Teluk Datuk. Kedua, melalui Kajang atau Sungai Besi ke Dengkil (lihat peta 4). Ketua kampung Labuhan Dagang dipanggil Wak Larah.

PETA 6

PERSEKITARAN LABUHAN DAGANG



Sumber: Anwar Mohd Jani, Satu Kajian Demografi Sosial Keatas Penduduk-Penduduk di Labuhan Dagang, Banting, Selangor, 1977:36

Kampung ini juga adalah dibawah pentadbiran penghulu mukim Tanjung Dua Belas dan pegawai daerah Kuala Langat. Balai penghulu dan pejabat daerah terletak di Teluk Datuk, kira-kira 10 batu dari kampung Labuhan Dagang.

Kampung Labuhan Dagang mempunyai petempatan yang muncul dengan cara natural dan berperingkat-peringkat. Walaubagaimanapun, dalam peta 6 didapati bahawa kampung ini seolah-olah telah dirancang (planned settlement). Terdapat Sungai Kelambau dan Sungai Langat di selatan kampung ini. Kampung Labuhan Dagang merupakan satu kawasan Malay Reservation. Pada perhatian penulis, kampung ini adalah kawasan tanah rata dan hanya terdapat sebuah bukit iaitu Bukit Tadun yang merupakan petempatan orang-orang asli. Kampung Labuhan Dagang ini dikelilingi oleh estet-estet seperti Brooklands Estate dan Bukit Tadun Sakai Estate.

Berlainan dari rumah-rumah yang terdapat di Kampung Lubuk Kelubi, di kampung ini rumah-rumahnya adalah bertiang yang tinggi. Kawasan tanah disini adalah rendah dan sering ditimpa banjir bila musim tengkujuh tiba. Ciri-ciri tradisional masih lagi dapat dikekalkan walaupun terdapat sistem jalanraya yang menghubungkan antara kampung ini dengan bandar Banting dan Kelang. Disebabkan kedudukan kampung ini agak jauh dari Kelang dan Kuala Lumpur maka sebilangan besar penduduknya terpaksa membeli barang-barang keperluan di Banting. Disamping itu, kampung ini juga tidak mempunyai kedai syarikat kerjasama yang dapat menampung keperluan penduduknya.

Walaubagaimanapun, terdapat lebih kurang 5 kedai runcit yang mana satu daripadanya dijalankan oleh orang-orang India.

Kemudahan infrastruktur di kampung ini adalah lebih baik dari di Kampung Labuhan Dagang<sup>9</sup>. Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kampung Labuhan Dagang termasuklah api letrik, paip air, jalan raya, parit-parit tali air, balai raya, 2 buah sekolah, 2 buah masjid, 3 buah surau, klinik, pondok polis dan sekolah agama.

Kegiatan pertanian merupakan yang paling penting sekali kerana keadaan tanahnya yang rata. Tanaman pokok seperti kopi, kelapa sawit, kelapa, koko, ubi kayu, pokok getah dan pokok-pokok buah-buahan tempatan. Sistem saliran yang efficient dimana penglibatan Jabatan Pertanian daerah Kuala Langat telah dapat memberikan penduduk kampung ini lebih luas kawasan pertanian yang diperlukan. Pada perhatian penulis, penanaman kelapa sawit yang terdapat estet-estet yang berhampiran telah mempengaruhi penduduk kampung Labuhan Dagang. Ini disebabkan harga kelapa sawit yang lumayan dan pergerjaannya lebih mudah daripada kopi atau getah. Menurut penduduk kampung ini, pertanian pelbagai melalui sistem intercropping dapat meninggikan pendapatan mereka.

Di kampung Labuhan Dagang berkebun merupakan pekerjaan yang paling penting. Seramai 48 orang responden (52.75%) berkebun atau bergiat di bidang pertanian (lihat Anwar, 1977:24). Manakala seramai 33 responden (36.26%) dari golongan buruh kasar. Pada perhatian penulis mereka ini menumpukan juga kepada pertanian bila

tiba musim kopi dan juga bila mereka tidak bekerja.<sup>10</sup> Jelasnya, pengaruh bandar kurang menarik perhatian golongan tua dan muda untuk berhijrah ke bandar-bandar seperti di Lubuk Kelubi. Menurut Anwar (1977:74) hanya 6 responden lelaki (54.54%) dan 2 perempuan (16.66%) yang dalam lingkungan umur 21-25 yang berhijrah ke luar.

Kurangnya penduduk Kampung Labuhan Dagang bekerja dengan badan-badan kerajaan jelas menunjukkan betapa kemajuan pelajaran masih tidak maju seperti di Kampung Lubuk Kelubi. Penulis dapat memerhatikan yang penduduk Labuhan Dagang menggunakan tenaga buruh yang ramai untuk kegiatan pertanian. Oleh itu, mereka lebih senang menyuruh anak-anak lelaki dan perempuan ke kebun-kebun kopi, kelapa sawit dan koko untuk bersama-sama bekerja. Pendidikan tidak dipentingkan sangat walaupun terdapatnya sekolah agama di sebelah petang. Kekurangan bahan-bahan bacaan jelas dirasakan oleh penulis kerana untuk mendapatkan akhbar tempatan terpaksa ke Banting yang jaraknya 12 batu dari Labuhan Dagang.

Pada pandangan penulis, kegiatan di kedua buah kampung ini walaupun pada awalnya adalah pertanian tetapi disebabkan beberapa faktur seperti jarak kampung dengan bandar, pendidikan dan perhubungan serta keadaan topografi yang berlainan telah membezakan kedua buah kampung ini. Dari segi persejarahan, mereka semuanya berasal dari Indonesia yang berlatarbelakangkan pertanian tetapi perubahan sosial di kampung Lubuk Kelubi telah merubah pekerjaan tradisional orang-orang Melayu dari kegiatan pertanian kepada menjadi kakitangan kerajaan dan

swasta yang mendapat gaji yang tetap setiap bulan.

Nota Kaki:

- 1 Tuan Haji Muhamad merupakan peneroka yang pertama tiba di Kampung Lubuk Kelubi dan beliau juga Tok Empat atau Ketua Kampung Lubuk Kelubi yang pertama.
- 2 Kampung Lubuk Kelubi merupakan kawasan kajian tapi anihnya, penulis mendapat tahu beliau juga ketua kampung Kuala Perdik dan Kampung Padang. Sekolah Kebangsaan Lubuk Kelubi berada di Kuala Perdik manakala orang-orang Kampung Padang sembahyang Jumaat di Lubuk Kelubi.
- 3 Dilihat dari peta Lubuk Kaping yang dikatakan oleh Tunku Shamsul Bahri itu adalah Lubuk Sikaping dan berada pula di luar Minangkabau tetapi penduduk Lubuk Kelubi mengatakan mereka adalah orang-orang Minangkabau yang dipanggil Bonjol.
- 4 Memurut seorang responden, Adat temenggung berasaskan keadilan tanpa adanya tindak balas, semuanya ditanggung sementara sedangkan Adat Perpatih mahukan hukuman samarata seperti kalau dibunuh, bunuh pula hukumannya.
- 5 Pepatah ini diberikan oleh En. Lati, adik Ketua Kampung yang pertama.
- 6 Tok Dagang Kassim orang pertama datang ke Labuhan Dagang setelah mendapat kebenaran dari DO Inggeris pada masa itu untuk membuka tanah dusun dan getah.
- 7 Ini adalah nilai matawang Malaya sebelum merdeka.
- 8 Ulu Langat adalah sebuah daerah, ada mukim Ulu Langat dan ada pula pekan Ulu Langat (Batu 14, Ulu Langat).
- 9 Kampung Labuhan Dagang mempunyai wakil rakyat iaitu Menteri Besar Selangor. Segala kemudahan senang mereka dapat. Sedangkan Lubuk Kelubi wakil rakyatnya adalah salah seorang EXCO Neg. ri Selangor.
- 10 Maksud tidak bekerja ialah bila mereka selsai bekerja sebagai jaga di waktu malam ataupun selesai tugas di waktu pagi maka sebelah petang mereka akan ke kebun masing-masing.

### BAB III

#### FAMILI DAN KEKELUARGAAN

Bab ini akan memberikan segala keterangan mengenai famili dan kekeluargaan. Keterangan-keterangan tersebut termasuklah mengenai famili, jenis-jenis famili, pola-pola kekeluargaan, perkahwinan, perceraian, pola-pola tempat tinggal selepas berkahwin dan tanah pusaka.

##### 3.1 Famili

Famili adalah unit asas dalam struktur sesebuah kampung. Pada kebiasaannya, masyarakat Melayu menggunakan perkataan keluarga yang berasal dari perkataan Sanskrit, kula (famili) + warga (anggota-anggota). Selain dari itu, terdapat juga perkataan-perkataan kerabat dan batih digunakan oleh orang-orang Melayu. Perkataan kerabat adalah dari perkataan Arab, manakala perkataan batih adalah dari perkataan Jawa.

Penduduk Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang menggunakan perkataan keluarga yang bererti sekumpulan manusia yang tinggal serumah, mencari nafkah untuk anggota-anggota dan makan makanan dari satu dapur yang sama. Perhubungan anggota-anggota keluarga adalah berdasarkan status dan peranan masing-masing. Kadang-kadang, perkataan keluarga juga digunakan oleh penduduk di kedua buah kampung tersebut yang membawa erti lingkungan kekeluargaan. Penulis menggunakan perkataan famili kerana pengertian diatas adalah lebih tepat lagi jika dibandingkan perkataan keluarga. Satu famili terdiri daripada suami isteri yang berkahwin secara sah dan anak-anak mereka.

Terdapat juga ahli-ahli lain yang menumpang dengan mereka.

### 3.2 Jenis-Jenis Famili

Jadual 3.2

#### JENIS-JENIS FAMILI KAMPUNG LUBUK KELUBI (72 HOUSEHOLD)

Bil	Jenis Famili	Bil	Peratus
1.	Famili Asas <sup>1</sup> (Suami, isteri, anak)	33	45.83
2.	Famili Asas + Bapa/Ibu	4	5.56
3.	Famili Asas + saudara menumpang	2	2.78
4.	Famili Besar <sup>2</sup>	5	6.94
5.	Famili Besar + saudara menumpang	1	1.39
6.	Suami + Isteri	10	13.89
7.	Ibu & Anak	6	8.33
8.	Ibu & anak saudara	2	2.78
9.	Ibu & cucu	3	4.17
10.	Ibu/bapa, suami/isteri	6	8.33
		72	100.00

Bentuk dan jenis famili yang wujud di Kampung Lubuk

Kelubi menunjukkan nilai-nilai tradisi telah dan sedang mengalami proses perubahan yang ketara. Pada masa dahulu, penduduk Kampung ini lebih suka kan bilangan ahli famili yang ramai. Anak-anak yang sudah berkahwin digalakkan tinggal serumah dengan ibubapa kerana dapat membantu kerja di sawah padi dan kebun-kebun getah. Sebab itu, pada masa dahulu, jenis famili besar dan famili gabungan<sup>3</sup> adalah lebih ramai kerana obligasi kepada kekeluargaan sangat dipatuhi. Selain dari itu, anak yang sudah ada famili sendiri membenarkan ibubapa atau saudara mara tinggal bersama-sama.

Bagi penduduk Kampung Lubuk Kelubi sekarang mereka memang sukaikan keluarga besar yang mengandungi famili asas, ibubapa, saudara mara dan adik beradik yang belum kahwin tinggal dalam sebuah rumah. Dalam proses perubahan sosial yang telah dan sedang dialami sekarang keadaannya adalah sangat berlainan dari keadaan dahulu. Kini, famili asas merupakan hampir setengah (45.83%) dari jumlah semua penduduk Kampung Lubuk Kelubi (lihat Jadual 3.2). Sebabnya terjadi demikian adalah kerana anak yang telah berumahtangga lebih suka tinggal bersinggan dari ibubapa masing-masing. Walaubagaimanapun, terdapat juga ibu atau bapa (5.56%) dan saudara (2.78%) yang menumpang dengan famili asas. Salah satu daripada sebabnya ialah pasangan yang bekerja meninggalkan anak-anak mereka untuk dijaga oleh ibubapa yang dibenarkan tinggal bersama.

Golongan yang kedua terbesar iaitu suami dan isteri (13.89%) menunjukkan implikasi bahawa anak-anak mereka yang telah berkahwin berpindah ke tempat lain. Antara sebab-sebabnya ialah mengikut suami, pekerjaan, dan persekolahan. Selain dari itu, famili yang tinggal di tempat lain ada juga yang meninggalkan anak-anak dan cucu menumpang dengan ibu dan mereka ini agak ramai juga bilangannya iaitu 15.28%. Ini disebabkan ibubapa tersebut bekerja dan tidak dapat menjaga anak-anak itu. Selanjutnya, nilai obligasi kepada orang tua akan dapat dipenuhi bila ibubapa yang bekerja itu pulang ke kampung ini sekurang-kurangnya seminggu sekali melihat anak-anak dan ibu di kampung. Famili besar bilangannya semakin berkurangan iaitu 6.94%, menunjukkan nilai-nilai tradisi telah berubah dengan adanya perubahan sosial dan unsur-

unsur modenisasi yang telah menyerap secara beransur-ansur.

JADUAL 3.21

JENIS-JENIS FAMILI KAMPUNG LABUHAN DAGANG  
(  
61 HOUSEHOLD)

BIL	Jenis Famili	Bil	Peratus
1.	Famili Asas	31	50.82
2.	Famili Asas + Bapa/Ibu	6	9.84
3.	Famili Asas + saudara menumpang	3	4.92
4.	Famili Besar	5	8.20
5.	Famili Gabungan	3	4.92
6.	Suami & Isteri	2	3.28
7.	Ibu & Anak	3	4.92
8.	Ibu & cucu	3	4.92
9.	Ibu/bapa, suami/isteri	5	8.20
		—	—
		61	100.02
		—	—

Bentuk dan jenis famili di Kampung Labuhan Dagang masih mempertahankan tradisi dan nilai-nilai tradisional. Sebab yang utama bentuk famili di kampung ini dapat mempertahankan bentuk tradisional adalah kerana pola-pola tempat tinggal selepas kahwin. Famili asas (lihat Jadual 3.21) adalah setengah dari bilangan semua penduduk (50.82%). Pola-pola tempat tinggal akan dibincangkan kemudian. Walaupun famili asas merupakan golongan terbesar, ini tidaklah bermakna mereka tidak mempunyai obligasi kepada keluarga. Sebenarnya, famili asas ini masih kuat obligasi terhadap kekeluargan mereka. Umpamanya, anggota-anggota famili akan datang menolong, terutamanya, ibubapa mereka berkaitan dengan

kerja-kerja di kebun kopi, kebun-kebun kelapa sawit dan koko. Kerja seperti menebas, menanam dan memungut hasil yang memerlukan tenaga buruh yang ramai selalunya dikerjakan oleh anak beranak dan saudara mara disamping orang-orang yang diupah.

Terdapat juga ibu atau bapa yang tinggal menumpang dengan anak-anak mereka yang telah berkahwin (9.84%). Famili gabungan<sup>3</sup> (4.92%) yang terdapat di kampung ini menunjukkan bahawa ibubapa lebih suka membenar anak-anak mereka tinggal serumah bukan sahaja kerana perlukan tenaga buruh yang lebih tetapi ia juga merupakan security kepada mereka.

Bilangan suami isteri yang tinggal di luar kampung ini adalah sangat kecil (4.92%). Mereka ini adalah pasangan bekerja yang terpaksa meninggalkan anak-anak dibawah jagaan ibu mereka. Seperti yang telah disebutkan diatas, kadar penghijrahan ke bandar-bandar besar adalah sangat rendah. Ini mungkin disebabkan kehidupan penduduk kampung ini yang berlatar-belakangkan pertanian memerlukan tenaga buruh yang ramai. Tambahan pula, kedudukan kampung Labuhan Dagang adalah lebih jauh dari bandar-bandar besar jika dibandingkan dengan kampung Lubuk Kelubi.

### 3.3 Pola-Pola Kekeluargaan

Orang-orang Minangkabau di Sumatera dan di Negeri Sembilan mempunyai obligasi yang kuat terhadap nisab sebelah ibu ataupun dipanggil sistem matrilineal. Konsep kesukuan adalah sangat dititikberatkan dan mempunyai pengaruh yang besar dalam segala aspek kehidupan mereka. Menurut Nordin Selat, sistem sosial Adat Perpatih merupakan teras kehidupan orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan

Mereka mengamalkan prinsip paruik (perut) ataupun prinsip **niniek mamak** (saudara lelaki ibu) (Koentjaraningrat, 1971:252, Abdul Kahar, 1963:38-51).

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab 2, orang-orang Minangkabau di kampung Lubuk Kelubi tidak mengamalkan Adat Perpatih ataupun sistem matrilineal. Disebaliknya pula, mereka berasimilasi dengan penduduk tempatan yang mengamalkan Adat Temenggung. Jelasnya, mereka mempunyai obligasi yang kuat terhadap nisab sebelah bapa ataupun dipanggil sistem patrilineal<sup>4</sup>. Panggilan mamak hanya wujud pada nama sahaja. Walaubagaimanapun, golongan tua kampung ini dapat memberikan bilangan suku-suku yang wujud hingga kini. Suku-suku yang masih wujud di Kampung Lubuk Kelubi ialah suku-suku Kampai, Panai, Melayu, Caniago, Jambak, Si Kumbang, Pili-Bonjol dan Koto. Kesemua suku tersebut memang ada didalam pembahagian suku-suku yang dibuat oleh Willinck (lihat de Jong, 1974:70). Pembahagian suku di kampung ini adalah berlainan daripada pembahagian suku yang terdapat di Negeri Sembilan tetapi adalah sama dengan pembahagian suku di Sumatera. Sejak pada peringkat awal kedatangan orang-orang Minangkabau ke kampung ini lagi, mereka telah berasimilasi dengan cara kehidupan orang-orang tempatan yang mengikut Adat Temenggung. Jenerasi muda yang berada dalam lingkungan umur belasan tahun tidak tahu langsung, tentang wujudnya suku-suku tersebut. Kini, hukum syariah (Islam) merupakan pegangan yang asas dimana pihak bapa dipentingkan bermakna penduduk di kampung ini mengikut sistem patrilineal. Jelasnya sistem matrilineal tidak lagi berfungsi dalam kehidupan penduduk

### Kampung Lubuk Kelubi.

Bagi penduduk Kampung Labuhan Dagang yang majoritinya orang-orang Jawa, sistem bilateral<sup>5</sup> masih lagi wujud dan dipraktiskan sehingga kini. Dalam masyarakat Jawa, pihak lelaki dan pihak perempuan mempunyai obligasi yang kuat terhadap keluarga sebelah bapa dan keluarga sebelah ibu. Dengan erti kata yang lain, kedua-dua belah pihak bapa dan ibu adalah sama pentingnya. Dari perhatian penulis, anggota-anggota famili asas bertendensi untuk membantu kedua belah pihak ibubapa dalam majlis perkahwinan, kenduri, aktiviti-aktiviti pertanian samada dalam bentuk tenaga ataupun kewangan. Begitu juga dengan sistem panggilan (term of address) adalah sama untuk kedua pihak bapa dan pihak ibu. Walaubagaimanapun, unsur-unsur keisalan telah mula meresap dengan kuatnya. Umpamanya, dalam pembahagian harta pusaka setengahnya mengikut hukum Faraid (hukum Islam) sedangkan mengikut adat Jawa, harta itu mestilah dibahagi sama banyak kepada anak lelaki dan anak perempuan seperti yang dikatakan oleh Geerts (1961:47). Walaubagaimanapun, sebahagian besar penduduk kampung Labuhan Dagang masih lagi mempraktiskan sistem bilateral.


#### 3.4 Perkahwinan

Pada masyarakat Minangkabau, perkahwinan adalah mengikut adat dimana orang sedapat mungkin kahwin dengan perempuan mamaknya (saudara lelaki ibu). Di Sumatera, perkahwinan dengan anak mamak dikatakan sebagai pola yang tulis dimana terdapatnya persamaan istilah

yang digunakan untuk memanggil dan menyebut isteri mamak dan ibu isteri. Isteri mamak dipanggil mintuwo (mertua), walaupun anak perempuannya tidak dikahwini. Selanjutnya, perkahwinan dengan anak mamak (lihat rajah 3.4) adalah sesuatu hal yang termudah dapat dijalankan kerana mamak merupakan pembuka jalan bagi rundingan perkahwinan lebih lanjut (Koetjaraningrat, 1971:253).

Rajah 3.4

Perkahwinan Yang Digalakkan Dikalangan Orang-Orang Minangkabau



Perkahwinan yang digalakkan (lihat rajah 3.4) dikalangan penduduk Kampung Lubuk Kelubi memang ada berlaku pada peringkat awal kedatangan orang-orang Minangkabau ke kampung ini. Kadang-kadang anak mamak itu dibawa dari Sumatera semata-mata untuk mengisi atau memenuhi adat Minangkabau tersebut. Kini, keadaan telah berubah dimana perkahwinan seperti itu ~~dan~~ panggilan mintuwo tidak wujud lagi. Walaubagaimanapun, panggilan mamak terhadap saudara sebelah ibu masih lagi wujud sehingga sekarang.

Hengikut adat Minangkabau, mereka yang datang dari suku yang sama di sesebuah kampung itu tidak boleh berkahwin. Jodoh haruslah dipilih dari luar suku (eksogami). Di kampung Lubuk Kelubi,

adat tersebut masih dipegang teguh oleh golongan tua tetapi golongan muda kurang memahami ataupun tidak tahu tentang suku. Menurut orang-orang tua kampung ini, perkahwinan diantara suku yang sama pernah berlaku pada suku-suku Melayu, Jambak dan Koto. Di Rembau ada suku yang dibenarkan berkahwin sesama sendiri (Nordin Selat, 1975:59-60). Mereka ini dibenarkan berkahwin atas anggapan bahawa perut-perut ini tidak ada pertalian darah, atau pertalian darah itu terlalu nipis untuk membawa apa-apa erti yang besar. Suku-suku yang lain adalah dilarang keras sama sekali dari berkahwin.

Di masa dahulu, pemilihan jodoh untuk anak perempuan penduduk Kampung Lubuk Kelubi berdasarkan beberapa faktur. Faktur yang paling penting ialah sifat kerajinan seseorang terutama mereka yang bekerja di kebun getah dan sawah padi. Sebab itu, pada masa dahulu bilangan penduduknya agak ramai kerana peluang-peluang pekerjaan dalam bidang pertanian adalah luas. Faktur yang kedua pentingnya ialah didikan agama. Menurut golongan tua kampung ini, pernah suatu ketika dahulu kampung ini menjadi tempat belajar agama yang terpenting di-daerah ini. Selain dari itu, terdapat juga faktur-faktur seperti sekufu<sup>6</sup>, kekayaan dan kaitan kekeluargaan. Pilihan pasangan masa itu adalah pilihan yang telah ditetapkan oleh ibubapa. Anak-anak yang akan berkahwin tidak mempunyai kuasa untuk membantah keputusan kedua orang tua mereka.

<sup>6</sup> Sekufu ialah jawapan sebutan untuk janggut yang dilahirkan di rumah tanpa bantuan seorang ahli.

Jadual 3.4

Pasangan Lelaki<sup>7</sup> Kampung Lubuk Kelubi  
 Berdasarkan Tempat Kelahiran  
 (18 Lelaki)

Bil	Tempat Lahir Perempuan	Bilangan	Peratus
1.	Kampung Lubuk Kelubi	3	16.67
2.	Lain-lain Tempat di Selangor <sup>8</sup>	8	44.44
3.	Luar Selangor	3	16.67
4.	Sumatera	4	22.22
		18	100.00

Nota: Pihak lelaki adalah mereka yang dilahirkan di Kampung Lubuk Kelubi. Pasangan yang dilahirkan di luar kampung ini tidak diambil kira.

Jadual 3.41

Pasangan Perempuan<sup>9</sup> Kampung Lubuk Kelubi  
 Berdasarkan Tempat Kelahiran  
 (15 Perempuan)

Bil	Tempat Lahir Lelaki	Bilangan	Peratus
1.	Kampung Lubuk Kelubi	3	20.00
2.	Lain-lain Tempat di Selangor	5	33.33
3.	Luar Selangor	4	26.67
4.	Sumatera	3	20.00
		15	100.00

Nota: Pihak perempuan adalah mereka yang dilahirkan di Kampung Lubuk Kelubi sahaja.

Pemilihan jodoh dikalangan penduduk Kampung Lubuk Kelubi sekarang telah berubah. Faktur-faktur rajin bekerja, didikan agama, dan kaitan kekeluargaan tidak lagi dipentingkan. Perubahan sosial dan unsur-unsur modenisasi telah mengubah nilai-nilai hidup penduduk kampung ini. Pemilihan jodoh sekarang adalah diserahkan bulat-bulat kepada anak-anak mereka, iaitu berdasarkan suka sama suka ataupun atas dasar persintaan. Ibubapa hanya dapat mengiakan pilihan anak-anak mereka. Ibubapa hanya melibatkan diri dalam soal adat istiadat perkahwinan dan bantuan kewangan.

Faktur yang menjadi pilihan utama sekarang ialah faktur ekonomi. Pilihan selalunya berdasarkan pekerjaan dan taraf pendidikan yang lebih kurang sama. Peluang pekerjaan seperti yang terdapat di Cheras, Kajang, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya menyebabkan pergaulan mereka lebih luas. Sebab itu pilihan pasangan lelaki kampung ini lebih ramai memilih pasangan perempuan dari lain-lain tempat di Selangor (44.44 peratus) jika dibandingkan dengan perempuan kampung sendiri (16.67 peratus) seperti yang terdapat dalam Jadual 3.4. Kemungkinan juga oleh kerana tidak dibenarkan kahwin sesama suku mempengaruhi pilihan pasangan-pasangan ini.

Begitu juga pasangan perempuan Kampung Lubuk Kelubi (lihat Jadual 3.41) yang lebih suka memilih pasangan dari lain-lain tempat di Selangor (33.33 peratus) dari lelaki kampung sendiri (20 peratus). Disamping itu pihak lelaki lebih ramai memilih pasangan

perempuan dari Sumatera (22.22 peratus) dari mereka yang tinggal di-luar Selangor (16.67 peratus). Sebabnya ialah pasangan tersebut dapat merapatkan lagi ikatan kekeluargaan dengan saudara mera yang masih ada di Sumatera.

Penulis juga dapat mengumpulkan butir-butir mengenai pasangan yang berkahwin dalam masa 10 tahun yang lepas (6 pasangan semuanya). Lima dari enam pasangan tersebut (83.33 peratus) memilih pasangan mereka yang datangnya dari luar Kampung Lubuk Kelubi. Empat pasangan memilih jodoh dari kampung-kampung yang berdekatan seperti dari Sungai Tekali, Kajang, Semenyih dan Cheras. Pasangan yang kelima memilih jodoh yang berasal dari Sumatera. Empat pasangan tersebut memilih jodoh masing-masing berdasarkan faktur pekerjaan. Ke-banyakannya mereka mengenali pasangan masing-masing semasa bekerja dengan pihak kerajaan dan swasta di Cheras, Kajang dan Batu 14, Ulu Langat. Hanya satu pasangan (16.67 peratus) yang memilih pasangan dari kampung sendiri. Faktur pekerjaan juga merupakan faktur utama pilihan pasangan ini kerana pihak lelaki bekerja dengan Lembaga Elektrik Negara di Pansun, kira-kira 2 batu dari kampung ini.

Perkara yang paling ketara sekali mengenai pasangan yang kahwin dalam masa 10 tahun yang lepas menunjukkan faktur ikatan ke-kurangaan, faktur-faktur kerajinan dan didikan agama tidak lagi mem-punyai tempat di Kampung Lubuk Kelubi. Walaupun terdapat satu pasangan yang berkahwin dengan saudaranya di Sumatera; untuk rapatkan ikatan

kekeluargaan, sebab utama yang dapat dicungkil oleh penulis ialah untuk dapatkan hak kerakyatan (warganegara). Ini disebabkan kawalan pihak Imigresen Malaysia adalah semakin ketat. Jelasnya, faktur pekerjaan merupakan faktur utama mengambil alih faktur kerajinan kerana ia hanya dapat meletakkan status seseorang itu semakin tinggi jika pekerjaannya mempunyai pendapatan yang agak lumayan. Sebab itu, seseorang yang menjadi guru sangat dihormati bukan sahaja sebab pekerjaannya malahan disebabkan perhubungan guru itu yang mempunyai contact dengan pihak atasan (pegawai kerajaan).


Pada masa dahulu, perkahwinan di Kampung Labuhan Dagang adalah diatur oleh kedua ibubapa pasangan. Kebanyakan pasangan yang berkahwin adalah didalam lingkungan umur belasan tahun. Menurut Geertz (1961:55), hanya ibubapa sahaja dibenarkan untuk memilih pasangan mereka. Saudara mara yang lain tidak dibenarkan campur tangan dalam urusan pemilihan jodoh. Kerajinan bekerja merupakan faktur utama dalam pemilihan pasangan. Keturunan juga merupakan faktur yang penting dimana penduduk Kampung Labuhan Dagang mementingkan keturunan Jawa. Faktur ekonomi juga diambil kira dimana kedudukan ekonomi yang setaraf dapat membina rumah tangga yang bahagia.

Pada masa sekarang, penduduk Jawa Kampung Labuhan Dagang masih teguh memegang adat Jawa. Perkahwinan dengan anak paman iaitu saudara lelaki bapa atau ibu tidak dibenarkan langsung (lihat rajah 3.41). Sehingga kini, tidak pernah berlaku bentuk perkahwinan yang

demikian. Sebabnya, penduduk kampung ini mengatakan bahawa jika berlaku perkahwinan seperti dalam rajah 3.41 maka masalah wali akan timbul bila ego meninggal dunia. Penduduk kampung ini memanggilnya sebagai mati wali. Manakala orang-orang Melayu Negeri Sembilan memanggilnya sebagai memutuskan tali wali (A. Kahar, 1963:209)


Rajah 3.41

Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan  
Di Kampung Labuhan Dagang




Rajah 3.42

Perkahwinan Yang Dibolehkan Tetapi Tidak  
Digalakkan di Kampung Labuhan Dagang



Rajah 3.43

Perkahwinan Yang Dibenarkan Di-  
Kampung Labuhan Dagang



Terdapat bentuk perkahwinan yang dibolehkan tetapi tidak digalakkan (lihat rajah 3.42) yang merupakan adat orang-orang Jawa. Bentuk yang ketiga, adalah perkahwinan yang dibenarkan (lihat rajah 3.43). Pada pemerhatian penulis, ketiga-tiga bentuk perkahwinan tersebut kurang mendapat sambutan di kalangan pasangan yang berkahwin di kampung Labuhan Dagang. Penduduk kampung ini lebih suka pasangan anak mereka itu tidak ada kaitan kekeluargaan. Sebabnya, mereka dapat memperluaskan ikatan kekeluargaan dengan famili yang lain. Disamping itu, perkahwinan antara sepupu akan buruk akibatnya bila berlaku perceraian.

Jadual 3.42

Pasangan Lelaki Kampung Labuhan Dagang  
Berdasarkan Tempat Kelahiran  
(29 Lelaki)

Bil	Tempat Lahir Perempuan	Bilangan	Peratus
1.	Kampung Labuhan Dagang	24	82.76

Bil	Tempat Lahir Perempuan	Bilangan	Peratus
2.	Lain-lain Tempat di Selangor	4	13.79
3.	Luar Selangor	1	3.45
		—	—
		29	100.00
		—	—

**Nota:** Pihak lelaki adalah mereka yang dilahirkan

di Kampung Labuhan Dagang sahaja. Luar

Selangor bererti lain-lain negeri di Semenanjung

Malaysia.

Jadual 3.43

Pasangan Perempuan Kampung Labuhan Dagang

Berdasarkan Tempat Kelahiran

(39 Perempuan)

Bil	Tempat Lahir Lelaki	Bilangan	Peratus
1.	Kampung Labuhan Dagang	24	61.54
2.	Lain-lain Tempat di Selangor	9	23.08
3.	Luar Selangor	1	2.56
4.	Pulau Jawa	5	12.82
		—	—
		39	100.00
		—	—

**Nota:** Pihak Perempuan adalah mereka yang lahir

di Kampung Labuhan Dagang sahaja.

Pada masa sekarang, penduduk Kampung Labuhan Dagang memberikan kebebasan yang sepenuhnya dalam soal pilihan jodoh. Faktur yang masih dipentingkan dalam pemilihan jodoh ialah faktur keturunan-keturunan yang mempunyai sifat-sifat tertentu seperti

Pasangan yang hendak berkahwin selalunya memilih jodoh mereka yang berketurunan Jawa. Sifat immobility dikalangan penduduk kampung ini dapat dijelaskan dengan pemilihan pasangan lelaki dan perempuan (lihat jadual-jadual 3.42 dan 3.43). Ini mungkin disebabkan kehidupan penduduk kampung ini berlatarbelakangkan pertanian memerlukan penggunaan tenaga buruh dan masa bekerja yang panjang. Jelasnya, perhubungan sesama mereka terbatas di dalam kampung sahaja.

Pasangan lelaki paling ramai sekali (82.76 peratus) memilih perempuan yang dilahirkan di kampung mereka sendiri. Pasangan dari luar adalah begitu kecil jika dibandingkan dengan pasangan yang lahir di Kampung Labuhan Dagang. Umpamanya, lain-lain tempat di Selangor hanya 13.79 peratus menakala pasangan perempuan dari luar Selangor hanya 3.45 peratus sahaja. Begitu juga pemilihan pasangan perempuan Labuhan Dagang, trend yang serupa seperti pilihan pihak lelaki. Walaupun begitu, terdapat satu kelainan iaitu pasangan perempuan ada yang memilih lelaki dari pulau Jawa (12.82 peratus). Sebabnya ialah untuk memperkuatkan lagi ikatan kekeluargaan dengan famili-famili di pulau Jawa.

Terdapat 14 pasangan yang telah berkahwinan dalam masa 10 tahun yang lepas. Sembilan pasangan (64.29 peratus) adalah perkahwinan antara lelaki dan perempuan Kampung Labuhan Dagang sendiri. Tiga pasangan (21.43 peratus) memilih jodoh yang berasal dari kampung-kampung yang berdekatan seperti dari Kelang dan Bukit Bangkong. Hanya

2 pasangan (14.29 peratus) yang memilih pasangan dari luar Selangor. Tidak ada lagi pasangan yang datang dari pulau Jawa kerana masalah kewarganegaraan sangat sukar untuk diatasi. Ini ditambah pula dengan kawalan imigresen yang ketat oleh pihak kerajaan. Jelasnya, trend memilih pasangan dari kampung sendiri akan terus kekal selagi kehidupan penduduk Kampung Labuhan Dagang masih lagi bergantung besar terhadap pertanian.

### 3.5 Perceraian

Terdapat 7 perceraian yang dapat dikesan oleh penulis berlaku, selama 20 tahun (1957-1977) dikalangan penduduk Kampung Lubuk Kelubi. Sebenarnya, perceraian banyak berlaku dikalangan mereka yang kini berusia lebih daripada 50 tahun seperti yang dinyatakan oleh Mohd Nawi (1977:40). Lima dari pasangan (71.43 peratus) bercerai muda kerana tidak ada persefahaman diantara pihak lelaki dan perempuan. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Nawi, umur pasangan yang berkahwin adalah terlalu muda dan pilihan pasangan pada masa itu ditetapkan oleh orang tua mereka. Sebab yang lain ialah satu pasangan bercerai kerana buatan orang. Fenomena buatan orang selalunya berlaku dikalangan orang-orang Melayu sahaja. Ia menunjukkan keadaan dimana seseorang itu mendapat sakit akibat dari suatu kuasa supernatural dari seseorang lain yang tidak puashati terhadap si sakit. Satu pasangan (14.29 peratus) lagi bercerai kerana pihak perempuan tidak mahu dimadu.

Keadaan perceraian di Kampung Labuhan Dagang adalah berlainan sedikit daripada di Kampung Lubuk Kelubi. Hanya 4 perceraian yang dapat dikesan oleh penulis. Dua dari empat perceraian (50 peratus) adalah disebabkan kematian. Satu perceraian (25 peratus) adalah disebabkan tidak ada penyesuaian dengan anak tiri. Manakala perceraian yang keempat adalah disebabkan pihak lelaki berkahwin lain dan pihak perempuan pula tidak mahu dimadu. Jelasnya, kadar perceraian kampung ini (4 perceraian) adalah sangat berkurangan dari kadar perceraian di Kampung Lubuk Kelubi (7 perceraian). Selain dari itu, ibu di Kampung Labuhan Dagang dianggap mempunyai peranan dan tanggung jawab yang sama seperti bapa terhadap ahli-ahli familiinya.

Pasangan-pasangan yang bercerai di Kampung Lubuk Kelubi kebanyakannya berkahwin semula. Pilihan mereka selalunya terdiri daripada orang-orang yang berasal dari kampung luar. Pasangan-pasangan tersebut tidak mempunyai ikatan kekeluargaan. Begitu juga dengan pasangan-pasangan di Kampung Labuhan Dagang, mereka berkahwin semula selepas bercerai. Faktur keturunan Jawa masih tetap dipatuhi walaupun terdapat mereka yang memilih pasangan dari kampung luar. Tidak ada perkahwinan majmuk yang dapat dikesan oleh penulis di kedua buah kampung tersebut.

### 3.6 Pola-Pola Tempat Tinggal Selepas Kahwin

Pola tempat tinggal selepas kahwin dikalangan orang-orang

Minangkabau dipanggil uxorilokal seperti yang dinyatakan oleh Koetjaraningrat (1971).. Uxorilokal bermakna tinggal dikediaman kerabat isteri. Manakala Robin Fox (1967) membuat pembahagian dimana uxorilokal bermakna tinggal dengan kumpulan isteri dan matrilokal bermakna tinggal dengan ibu isteri. Bagi Murdock (1949:16) pula, kedua-dua pembahagian Fox dipanggil matrilokal. Penulis menggunakan istilah matrilokal mengikut pendapat Murdock.

Pada masa sekarang, pola-pola yang wujud adalah berlainan dari dahulu. Pola sekarang ialah neolokal dimana pasangan membuat rumah sendiri yang letaknya agak jauh dari rumah ibubapa mereka. Pola matrilokal ada juga wujud tetapi ianya bersifat sementara sahaja. Pola seperti ini wujud selama pasangan yang berkahwin itu tinggal di rumah ibu isteri. Ini disebabkan pasangan berkahwin itu terpaksa mencari rumah sewa ataupun menunggu rumah mereka siap dibina. Pola neolokal adalah pola yang bersifat kekal. Pola ini dapat menjelaskan bilangan famili asas (45.83 peratus) hampir setengah daripada semua jenis-jenis famili yang lain.

Pola tempat tinggal selepas kahwin di Kampung Labuhan Dagang tidak berubah sejak kampung ini dibuka pada tahun 1928. Terdapat 2 pola tempat tinggal selepas kahwin di kampung ini. Pola bilokal wujud hanya dikalangan pasangan yang baru berkahwin. Pola bilokal bermakna pasangan yang berkahwin tinggal di rumah pihak lelaki dan di rumah pihak perempuan dalam masa-masa yang tertentu (lihat Murdock,

1949:16, Fox, 1967:16). Pola ini melibatkan pilihan walaupun ianya bersifat sementara iaitu lebih kurang satu atau dua tahun.

Mengikut adat Jawa di kampung ini, pihak lelaki mestilah mendirikan rumah sendiri sebelum berkahwin. Pihak bapa lelaki akan membantu anaknya menyiapkan rumah dengan memberikan bantuan ke-wangan dan juga tenaga buruh. Selepas pasangan itu menetap di rumah mereka sendiri maka wujudlah pola neolokal. Rumah baru ini selalunya jauh dari rumah kedua ibubapa mereka. Walaubagaimanapun, obligasi terhadap kekeluargaan masih lagi bersifat bilatera dimana hubungan dengan famili-famili suami dan isteri masih teguh.

### 3.7 Tanah Pusaka

Dalam masyarakat Minangkabau harta pusaka terbahagi kepada 4 jenis. Pertama, harta pencarian iaitu harta perseorangan. Kedua, harta dapatan iaitu harta isteri sebelum kahwin. Ketiga, harta pembawaan daripihak suami. Keempat, suarang iaitu harta yang dikumpul oleh suami dan isteri selepas berkahwin (lihat de Jong, 1974:56). Harta pencarian ini akan menjadi harta pusaka seperti yang dikatakan oleh de Jong (1974:60). Pada masa sekarang, pembahagian seperti diatas tidak lagi wujud dikalangan penduduk kampung Lubuk Kelubi. Penduduk kampung ini mengikut hukum Faraid (Islam) dalam pembahagian harta pusaka. Faraid<sup>10</sup> bererti bahagian-bahagian yang telah ditentukan kepada waris-waris. Waris-waris ini mempunyai hubungan darah atau pun hubungan perkahwinan/persemendaan dengan si mati.

Satu perkara yang menarik berkenaan dengan tanah di kampung ini ialah tanah-tanah orang asli yang berhampiran dengan kampung ini, kebanyakannya, dipegang oleh penduduk kampung ini. Ramai orang-orang asli berhutang dengan golongan yang berada di kampung ini. Akibat dari hutang yang semakin bertambah maka orang-orang asli terpaksa menyerahkan tanah-tanah dusun buah-buahan mereka dengan cara pajak. Pemajakan ini berlanjutan hingga kini kerana orang-orang asli tidak dapat menyelesaikan hutang mereka. Tidak ada tanah pusaka yang dijual di kampung ini. Walaubagaimanapun, terdapat 2 kes tanah di kampung ini yang dijualkan kepada orang luar. Kes pertama, tanah dusun buah-buahan kepunyaan seorang yang bukan warganegara Malaysia (Indonesia) menjualkan kepada seorang pegawai kanan kerajaan dari Kuala Lumpur. Kes kedua, tanah dusun kepunyaan seorang yang tinggal di kampung lain menjualkannya kepada seorang pegawai kanan kerajaan dari Kuala Lumpur juga.

Mengikut adat Jawa di Kampung Labuhan Dagang, pembahagian harta adalah semarata diantara pihak perempuan dan pihak lelaki. Keadaan seperti ini masih lagi dipraktiskan oleh sebahagian besar penduduk kampung ini walaupun pembahagian mengikut hukum faraid semakin mendapat perhatian oleh beberapa famili kampung Labuhan Dagang. Jelasnya, pembahagian mengikut sistem bilateral masih lagi kekal hingga sekarang. Bila salah seorang daripada ahli-ahli famili berkahwin maka bapanya akan menentukan pembahagian harta pusaka. Harta pusaka yang menjadi pembahagian ialah keseluruhan tanah ibubapa.

Konflik akibat dari pembahagian tanah pusaka jarang berlaku di kampung ini kerana setiap ahli-ahli famili merasa puashati dengan pembahagian yang dibuat oleh ibubapa mereka.

Satu perkara yang menarik hati ialah seluruh tanah di kampung ini dipunyai oleh penduduk kampung. Tidak seorang pun orang yang tinggal di luar kampung ini mempunyai tanah di sini, manakala ramai penduduk Kampung Labuhan Dagang memiliki tanah di kampung-kampung lain. Tidak terdapat tuan tanah tidur di kampung ini kerana semua penduduk mengerjakan tanah masing-masing dalam aktiviti-aktiviti pertanian. Tanah pusaka di kampung ini dikerjakan oleh semua ahli-ahli famili yang berhak ke atasnya. Kadang-kadang pengerjaan tanah kebun dibantu oleh saudara mara yang ada kaitan kekeluargaan. Dengan adanya pertolongan tersebut bukan sahaja dapat menguatkan lagi ikatan kekeluargaan malahan hubungan timbal balik akan terus berlanjutan bila ada diantara mereka yang memerlukan tenaga buruh untuk mengerjakan kebun mereka pula.

---

Notakaki bab III:

<sup>1</sup> Famili asas adalah terdiri daripada suami isteri yang berkahwin secara sah (legitimate) dan anak-anak mereka.

<sup>2</sup> Famili besar adalah terdiri daripada famili asas dan anak mereka yang telah berkahwin tinggal serumah.

<sup>3</sup> Famili gabungan adalah terdiri daripada adik beradik yang telah berkahwin tinggal serumah.

<sup>4</sup> Patrilineal ialah istilah yang digunakan untuk mengesan jurai keturunan mengikut sebelah bapa.

<sup>5</sup> Bilateral ialah istilah yang digunakan untuk mengesan jurai keturunan mengikut sebelah bapa dan sebelah ibu. Obligasi kepada dua belah pihak sama-sama dipentingkan. (lihat Murdock, 1949:15).

<sup>6</sup> Sekufu bererti yang sama setaraf.

<sup>7</sup> Pasangan lelaki Kampung Lubuk Kelubi yang berkahwin dengan perempuan kampung itu berada dalam lingkungan umur 40-55 tahun. Pasangan lain-lain tempat dan luar Selangor pula adalah dalam lingkungan umur 25-55 tahun. Pasangan yang memilih perempuan dari Sumatera 23-40 tahun.

<sup>8</sup> Lain-lain tempat di Selangor ini termasuklah Kuala Lumpur.

<sup>9</sup> Pasangan perempuan yang memilih orang-orang luar dan lain-lain tempat di Selangor berada dalam lingkungan umur 20-55 tahun. Terdapat satu kes dimana lelaki Sumatera yang berumur 70 tahun berkahwin dengan perempuan Lubuk Kelubi yang berumur 21 tahun. 2 pasangan yang berkahwin dengan lelaki Sumatera berada dalam lingkungan umur 40 tahun keatas.

<sup>10</sup> Dalam pembahagian harta pusaka mengikut hukum Faraid terdapat 6 jenis pembahagian iaitu bahagian-bahagian  $1/8$ ,  $1/6$ ,  $1/4$ ,  $1/3$ ,  $1/2$  dan  $2/3$ . Kadar-kadar ini telah ditetapkan dalam Al-Quran dan hadis Rasulallah s.a.w.

## BAB IV

### ORGANISASI-ORGANISASI SOSIAL

Organisasi sosial mengandungi rangkakerja perlakuan manusia (lihat Himes, 1967:44). Unit-unit organisasi sosial adalah seperti kumpulan, komuniti, kelas atau institusi-institusi. Dalam bab ini, penulis akan memberikan keterangan-keterangan mengenai unit-unit organisasi sosial yang wujud di Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang. Diantaranya, termasuklah institusi gotong royong, persatuan belia, Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Persatuan Ibubapa Guru (PIBG).

#### 4.1 Institusi Gotong-royong

Istilah gotong-royong adalah istilah yang lebih khusus untuk menunjukkan kerjasama atau tolong menolong. Gotong-royong adalah lebih luas digunakan oleh masyarakat keturunan Jawa (Koetjaraningrat; 1961). Pada masa sebelum merdeka, penduduk Kampung Lubuk Kelubi menggunakan istilah 'tolong menolong' atau 'bertolong-tolongan' berhubung dengan penanaman padi. Menurut Syed Husin (1977:81), istilah derau digunakan di Kongkong berhubung dengan penanaman padi manakala kerjasama merupakan istilah umum menunjukkan segala bentuk tolong menolong. Di Changkat Larang, istilah bersakai digunakan untuk menunjukkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial (Mazidah, 1967). Selepas merdeka, istilah gotong-royong digunakan secara meluas di-Kampung Lubuk Kelubi.

seperti ini semakin jarang dilakukan.

Gotong-royong dalam bidang sosial di Kampung Lubuk Kelubi selalunya berkaitan dengan kenduri kahwin, kematian dan kerja-kerja seperti menebas tanah wakaf, membaiki masjid, membaiki jalan dan menegakkan rumah. Kenduri kahwin di kampung ini melibatkan semua penduduk baik lelaki maupun perempuan. Tuan rumah kenduri kahwin akan menyerahkan alat<sup>2</sup> kepada orang-orang kampung yang diketuai oleh Tok Empat.<sup>3</sup> Tuan rumah hanya tahu selesai sahaja majlis kenduri kahwin anaknya. Sekiranya kenduri itu tidak berjaya<sup>4</sup> maka semua penduduk kampung ini akan mendapat malu.<sup>5</sup> Sebab itu, semasa kenduri kahwin diadakan semua penduduk kampung ini tidak pergi bekerja semata-mata untuk menghadiri majlis kenduri itu. Mereka yang tidak menyertai kenduri kahwin akan dipulaukan oleh masyarakat kampung. Kemeriahinan kenduri kahwin merupakan tanggungjawab bersama bagi penduduk kampung ini. Disamping itu, perasaan kekitaan dikalangan penduduk kampung ini bertambah kuat dengan adanya kenduri kahwin. Begitu juga dalam hal kematian, semua penduduk melibatkan diri dalam kerja-kerja seperti membuat kapan dan menggali kubur.

Pada masa dahulu, institusi gotong-royong di Kampung Labuhan Dagang di panggil 'Kerigan'.<sup>5</sup> Kerigan, merupakan bentuk kerjasama yang melibatkan kegiatan pertanian seperti tolong menolong di Lubuk Kelubi, derau di Kangkong dan gotong royong di Kerdau. Bilangan peserta dalam kerigan tidak ditentukan. Walaubagaimanapun,

kerja bergilir-gilir itu ditentukan mengikut banyak hari sebidang tanah dikerjakan. Kini bentuk kerjasama dalam bidang ekonomi telah berubah kepada tenaga upahan. Pada masa sekarang, upah memungut kopi ialah \$1.25 sen bagi setin minyak tanah. Ada juga upahan itu mengikut cara yang lain iaitu \$2.50 sen untuk kerja setengah hari atau \$4.50 sen untuk sehari.

Sistem gotong royong dalam bidang ekonomi tidak diteruskan di kampung ini oleh sebab-sebab yang tertentu. Pertama, tuan tanah yang mempunyai tanah yang luas mengambil tenaga upahan kerana segala aktiviti pertanian dapat dikerjakan mengikut masa yang telah ditetapkan. Sistem gotong royong mengambil masa yang agak panjang untuk menyiapkan tanah yang luas itu. Keduanya, tuan-tuan tanah tersebut dapat pula menguruskan tanah mereka yang terdapat di kawasan-kawasan yang lain. Ketiga, sikap individualistik telah mula menyerap pada nilai-nilai hidup masyarakat Melayu kini.

Pada masa sekarang, kerjasama dalam bidang sosial masih lagi diteruskan. Penduduk kampung Labuhan Dagang menggunakan istilah gotong-royong untuk kerja-kerja seperti membaiki talair, jalan dan parit. Kebanyakan gotong-royong dilakukan oleh belia-belia dan golongan tua yang bekerja secara sukarela. Gotong-royong ini, selalunya, dilakukan pada waktu pagi sebelum sembahyang Jumaat. Jamuan ringan seperti kueh mueh yang dibawa dari rumah masing-masing disediakan semasa gotong-royong tersebut.

Di Labuhan Dagang, gotong-royong kenduri kahwin tidak ada seperti di Lubuk Kelubi. Hanya anggota-anggota lingkungan kekeluargaan dan jiran sahaja yang melibatkan diri dalam kenduri kahwin. Penduduk kampung dianggap sebagai para jemputan. Dari pemerhatian penulis, gotong-royong di kampung ini semakin jarang dilakukan oleh penduduknya. Hanya ahli-ahli dari persatuan belia sahaja yang masih aktif mengadakan gotong-royong membaiki masjid dan jalanraya di kampung ini. Jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Parit dan Talair dan Jabatan Kerjaraya telah mengambil alih kerja-kerja membaiki yang telah dijalankan oleh kumpulan gotong-royong tersebut. Ini disebabkan wakil rakyat kampung ini menjadi ketua negeri iaitu Menteri Besar Selangor.

#### 4.2 Persatuan Belia

Di Kampung Lubuk Kelubi terdapat sebuah persatuan belia yang dipanggil Persatuan Belia 4B. Ia merupakan cawangan kepada Persatuan Belia 4B daerah Ulu Langat. Keanggotaan ahli persatuan ini terbuka kepada semua belia dan beliawanis kampung ini. Walaubagaimanapun, ahli-ahli persatuan ini tidak didaftarkan keahliannya kerana persatuan ini menganggap semua belia dan beliawanis secara otomatis menjadi ahli persatuan. Dari pemerhatian penulis, tidak terdapat satupun kegiatan persatuan ini dijalankan. Masalah yang dihadapi ialah bilangan ahli yang semakinerosot akibat penghijrahan ke bandar. Jelasnya, persatuan ini hanya wujud pada nama sahaja sedangkan ke-

giatannya tidak ada langsung. Sebab itu, penulis dapati ramai di antara belia-belia di kampung ini menghabiskan masa lapang mereka dengan tidak berfaedah. Umpamanya, ada diantara belia tersebut yang asyik berbual-bual kosong dari pagi hingga ke petang dikedai-kedai kopi pada hari-hari kelepasan.

Persatuan belia di Kampung Labuhan Dagang dikenali dengan nama Gerakan Belia 4B (M) Cawangan Labuhan Dagang. Persatuan belia kampung ini merupakan salah satu daripada beberapa organisasi sosial yang paling aktif dari segi kegiatannya. Kegiatan persatuan kampung ini ditumpukan kepada tiga bidang iaitu ekonomi, sukan dan sosial. Dalam bidang ekonomi, ahli-ahli persatuan belia kampung ini mempunyai kebun-kebun kopi dan kelapa sawit yang terletak di Sungai Labu (3 ekar) dan di Lubuk Kundang (16 ekar). Kebun-kebun tersebut baharu sahaja ditanam dengan kopi dan kelapa sawit. Hasilnya masih belum lagi dikeluarkan lagi sehingga kini.

Disamping itu juga, terdapat pula projek ikan air tawar dimana pihak kerajaan negeri memberi bantuan kewangan sebanyak dua puluh ribu ringgit. Persatuan belia kampung ini telah berjaya membuka kelas Tadika (Taman didikan kanak-kanak) untuk anak-anak penduduk kampung dengan bayaran yang paling murah (tiga ringgit sebulan). Persatuan belia kampung ini sangat bergiat dalam bidang sukan. Sukan tahunan diadakan pada Hari Belia dimana belia dan beliawanis mengambil bahagian. Belia-belia menumpukan sukan dalam bidang bolasepak dan

sepaktakraw manakala belianis-belianis pula di bidang bola jaring. Penulis sendiri dapat menyaksikan sukan tahunan belia tersebut. Dalam bidang sosial pula, persatuan belia juga selalu melibatkan diri dengan kerja gotong-royong seperti yang telah dinyatakan diatas.

Jawatankuasa persatuan belia kampung ini sering menyuarakan pendapat-pendapat mereka kepada ketua kampung, terutama, projek-projek yang berkaitan dengan kemajuan kampung. Hampir semua ahli-ahli persatuan terdiri daripada ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO kampung ini. Jelasnya, peranan yang complimentary diantara dua buah pertubuhan ini sangatlah ketara. Umpamanya, pasukan bolasepak persatuan belia adalah juga pasukan bolasepak Pemuda UMNO. Mereka mendapat bantuan kewangan dari pihak Jabatan Kebudayaan daerah dan juga dari Pemuda UMNO. Persatuan belia kampung ini adalah stabil kerana tidak wujud masalah penghijrahan belia ke bandar seperti di Lubuk Kelubi.

#### 4.3 Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS adalah satu daripada bahagian-bahagian yang telah ditubuhkan dibawah Kementerian Pertanian. KEMAS ditubuhkan untuk menjadi agen pembangunan komuniti masyarakat terutamanya pembangunan masyarakat desa meliputi aspek ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sikap. Matlamat utama KEMAS ialah sikap ingin maju, berdayausaha serta berdikari di kalangan masyarakat desa. Untuk mencapai matlamat ini KEMAS mengadakan dua program; perkhidmatan operasi (operational services) dan perkhidmatan sokongan (supporting

services).

KEMAS di Kampung Lubuk Kelubi mengadakan khidmat operasi. Umpamanya, KEMAS di kampung ini mengadakan kelas latihan kerja, kelas ekonomi rumahtangga dan kelas agama. Kebanyakan anggota-anggota yang menyertai kelas-kelas anjuran KEMAS terdiri daripada kaum ibu dan beliawanis. Kelas-kelas itu diadakan di balai raya seminggu sekali. Perkara-perkara yang disampaikan adalah berkaitan secara langsung dengan penghidupan dan pekerjaan harian untuk membolehkan mereka menceburkan diri dalam lapangan-lapangan yang baharu.

KEMAS di Kampung Labuhan Dagang juga mengadakan perkhidmatan operasi. Penyertaan di dalam kelas-kelas KEMAS di kampung ini sangatlah menggalakkan dari segi bilangannya sehingga bilangan gurunya meningkat kepada tiga orang semuanya. Selain daripada mengadakan kelas-kelas latihan kerja, ekonomi rumahtangga dan agama KEMAS kampung ini juga mengadakan Rancangan Desa Usaha (RDU). Dalam Rancangan Desa Usaha, projek-projek ekonomi, kesihatan dan pelajaran dilaksanakan menerusi rancangan rumah contoh yang dinamakan 'Rumah Sempurna'. Di kampung ini, pembinaan 'Rumah Sempurna' telah berjalan dengan baik dimana penanaman kopi merupakan projek yang utama. Jelasnya, KEMAS adalah salah satu daripada agensi-agensi pembangunan kerajaan yang telah dapat mengubah sikap penduduk kampung ini terutamanya dari segi kesihatan.

#### 4.4 Ikatan Relawan Rakyat (RELA)

RELA di Kampung Lubuk Kelubi merupakan sebuah organisasi yang baharu wujud. Anggota-anggota RELA bertanggungjawab secara langsung terhadap keselamatan penduduk kampung ini. Dengan wujudnya RELA di kampung ini maka Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) telah bertukar nama menjadi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Ketua RELA juga telah diserapkan menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Penyertaan anggota-anggota RELA menguatkan lagi 'espirit-de-corps' seperti yang dikatakan oleh Linton (1936:93). Penulis telah diberitahu bahawa belum pernah lagi anasir-anasir jahat ataupun anti-nasional berlaku di kampung ini.

Di Labuhan Dagang juga wujud RELA seperti di Lubuk Kelubi. Peranan RELA dari segi keselamatan masih belum menonjol seperti organisasi yang lain kerana kestabilan kampung ini belum pernah digangu oleh anasir-anasir luar ataupun anti-nasional. Ketua kampung ini juga adalah ketua RELA. Anggota-anggota RELA di kampung ini dibерikan latihan seperti menggunakan senjata dan berkawad. Ketua RELA juga dari masa ke semasa mengikuti berbagai kursus anjuran RELA peringkat negeri.

Selain dari itu, terdapat juga organisasi yang berbentuk formal seperti Persatuan Ibubapa-Guru (PIBG) yang juga memainkan peranan yang menyatupadukan penduduk kampung Labuhan Dagang. Umpamanya,

penulis dapat menyaksikan satu pertunjukkan wayang anjuran PIBG Labuhan Dagang untuk mengutip derma. Kutipan derma itu akan digunakan untuk membeli alat-alat kelengkapan sekolah. Sambutan dari penduduk kampung sangatlah menggalakkan kerana pertunjukan wayang itu merupakan satu-satunya bentuk hiburan yang terdapat di kampung ini.

Nota Kaki untuk bab 4:

- <sup>1</sup>Cuti menanam padi dan menuai padi ini tercatit dalam buku rekod Sekolah Kebangsaan Lubuk Kelubi. Umpamanya, cuti menanam padi pada tahun 1931 ialah 1hb.Okttober hingga 15hb.Okttober., 1931.
- <sup>2</sup>Alat bererti keseluruhan kerja-kerja kahwin seperti memasak, menghidang jemputan, menghias pelamin dan sebagainya.
- <sup>3</sup>Tok Empat ialah panggilan kepada ketua kampung di Lubuk Kelubi.
- <sup>4</sup>Tidak berjaya bererti adanya kekurangan yang tertentu berkaitan dengan kenduri kahwin. Umpamanya, ada jemputan yang tidak dapat makan ataupun tidak dilayan sepatutnya.
- <sup>5</sup>Menurut Koentjaraningrat, kerigan adalah aktiviti-aktiviti gotong-royong yang berasaskan kepada tanggung-jawab kelas kuli untuk menyumbangkan tenaga untuk kepentingan komuniti. Inisiatif selalunya diambil oleh ketua kampung ataupun pegawai atasan dari kampung lain (1961:35).

## Politik Dan Kepimpinan

### 5.1 Pemimpin

Menurut Smith (lihat Gouldner, 1965:15), terdapat tiga rumusan yang biasa digunakan untuk menunjukkan istilah pemimpinan iaitu:

- i. Pemimpin-pemimpin yang pencapaiannya (*attainments*), berdasarkan matlamat-matlamat tertentu adalah dianggap tinggi.
- ii. Pemimpin-pemimpin yang mempunyai status yang diiktiraf superior daripada orang-orang lain yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama.
- iii. Pemimpin-pemimpin yang memberi dorongan dan mendapat sokongan secara integratif dari rakyat.

Masyarakat Melayu tradisional (Swettenham, 1908) dipimpin oleh seorang ketua yang mempunyai kuasa otonomi yang luas dalam daerahnya. Dia juga boleh mengarah penduduk untuk membuat kerja-kerja seperti membina jalan, rumah, mesjid, parit dan sebagainya. Biasanya, mereka yang dikerah membuat kerja tersebut akan diberi makan percuma sepanjang mereka bekerja. Walaubagaimanapun, tidaklah semestinya begitu keadaannya.

Orang-orang yang tertakluk kepada arahan ketua daerah atau ketua kampung hanya terhad kepada penduduknya sahaja. Bagi orang-orang Melayu dari Sumatera (Gullick, 1970:38), ketuanya ialah Dato' Dagang.

Mengenai undang-undang pula, Sadka (1970:13) mengatakan terdapat satu susunlapis dalam kuasa kehakiman seorang penghulu atau ketua kampung. Misalnya, ketua kampung bertanggung jawab menyelesaikan pertelingkahan antara anggota-anggota masyarakat dan menjatuhkan hukuman yang tertentu ke atas kesalahan-kesalahan kecil. Dalam hal ini, ia dibantu oleh ahli-ahli jawatankuasa mesjid di situ.

Ketua kampung Lubuk Kelubi dipanggil Tok Empat. Ketua kampung yang pertama ialah Tuan Haji Muhamad yang merupakan orang yang terawal datang ke kampung ini. Beliau menjadi Tok Empat selama 49 tahun (1920-1969). Beliau juga adalah diantara pemimpin-pemimpin yang mempunyai status yang superior daripada orang-orang lain semasa memegang jawatan Tok Empat. Sebagai orang yang paling awal datang ke kampung Lubuk Kelubi, beliau mempunyai tanah-tanah sawah, getah dan dusun yang luas daripada orang-orang lain di kampung itu. Kedudukan ekonominya yang tinggi adalah diantara faktur-faktur yang menentukan statusnya. Keadaan ini adalah sama seperti yang terdapat di Kampung Bagan (lihat Husin, 1962:239).

Tok Empat sekarang adalah bekas Imam mesjid kampung Lubuk Kelubi. Beliau tidak mempunyai perzalian persaudaraan dengan Tok Empat yang pertama. Tok Empat merupakan orang yang mempunyai status yang paling tinggi sekali dari pemimpin-pemimpin komuniti yang lain. Tok Empat ialah bekas imam dan beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama Islam. Penulis pernah melihat Tok Empat menjadi imam untuk sembahyang jumah maghrib dan iayak. Selain daripada itu, beliau

mempunyai sifat keperibadian yang dihormati oleh penduduk kampung Lubuk Kelubi. Disamping itu, pemimpin-pemimpin yang mempunyai status yang tinggi dan dihormati adalah terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Imam dan ahli-ahli jawatankuasa mesjid. Pemimpin-pemimpin yang datang dari luar seperti wakil rakyat dan penghulu merupakan pemimpin yang mendapat sokongan dari penduduk kampung ini.

Ketua kampung Labuhan Dagang dipanggil Wak Lurah. Bila kampung ini dibuka oleh orang-orang Bugis pada tahun 1928, ketua mereka pada masa itu dipanggil Tok Dagang. Ketua kampung yang pertama ialah Tok Dagang Kassim, seorang Melayu keturunan Bugis. Sebelum datang ke kampung ini, beliau pernah menjadi ketua kampung di Sungai Manggis, iaitu kira-kira 10 batu dari kampung ini. Bila Jepun datang, beliau telah digulingkan oleh Dollah Panjang, seorang talibarut Jepun. Semasa pemerintahan Jepun, Dollah Panjang menjadi ketua kampung Labuhan Dagang. Bila Jepun menyerah ~~kalah~~ kepada pihak Bersekutu maka beliau telah mlarikan diri ke tempat lain. Selepas itu, timbul masalah untuk mencari pengganti beliau. Pada masa itu orang-orang Jawa merupakan golongan majoriti (lihat bab II) dan mereka mahukan anak tempatan yang berketurunan Jawa untuk memegang jawatan ketua kampung.

Rajah 5.1

Salasilah Ketua Kampung Labuhan Dagang

I. Tok Dagang Kassim (Bugis)

(bekas ketua kampung Sg.Manggis)

II. Dollah Panjang (Bugis)

III. Datuk Muh (Jawa)  
(Ketua kampung yang pertama  
dipanggil Wak Lurah)

bekas isteri penghulu

IV. Wak Lurah Sulong (Bugis)  
(anak angkat & menantu  
Datuk Muh)

Ketua kampung yang ketiga ialah Datuk Muh (lihat Rajah 5.1).

Beliau merupakan orang yang pertama dipanggil Wak Lurah menggantikan panggilan Tok Dagang. Pemilihan beliau adalah berdasarkan kepada isterinya adalah bekas isteri penghulu. Oleh kerana isterinya mempunyai banyak pengalaman dalam urusan pentadbiran maka penduduk kampung memilih Datuk Muh menjadi Wak Lurah. Wak Lurah yang keempat ialah menantu kepada Wak Lurah yang ketiga. Beliau adalah bekas anak angkat Wak Lurah ketiga dan juga bekas seorang guru. Semasa Wak Lurah ketiga memegang jawatan ketua kampung, beliaulah mengendalikan segala urusan surat menyurat bapa angkatnya itu. Sebagai seorang ketua kampung beliau merupakan seorang yang aktif dalam pergerakan politik. Beliau menjadi ketua dalam jawatankuasa penyelarasan UMNO. Keadaan seperti ini juga sama seperti di Kampung Raja Uda dimana ketua kampungnya aktif dalam

UMNO walaupun ada peruntukan dalam syarat-syarat untuk menjadi ketua kampung iaitu tidak boleh melibatkan diri dalam politik (Rokiah, 1969). Pemimpin-pemimpin lain yang aktif terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia dan parti politik. Manakala pemimpin yang tidak aktif ialah Wakil Rakyat, penghulu dan pegawai daerah. Di kampung Tanjung Dawai (Sharifah Zalehan, 1973) pemimpin-pemimpin yang tak aktif mempunyai peranan yang sama seperti di Kampung Labuhan Dagang. Wakil rakyat hanya datang ke kampung ini bila hendak meresmikan mesyuarat UMNO cawangan dan bila tiba masa kempen pilihanraya. Pegawai daerah jarang sekali datang ke kampung ini. Dari pemerhatian penulis, pegawai-pegawai pertanianlah yang sering datang ke kampung ini dengan tujuan membawa pelawat-pelawat<sup>1</sup> dari luar untuk melihat kemajuan pertanian di kampung ini.

### 5.2 Pemilihan Ketua Kampung

Pemilihan ketua kampung selalunya dilakukan dengan dua cara. Pertama dengan cara warisan seperti yang dikatakan oleh Gullick (1970). Cara yang kedua ialah cara pilihan iaitu samada dengan cara angkat tangan ataupun pengundian. Di daerah Ulu Langat, cara-cara seperti diatas memang banyak dilakukan (Nahariah, 1966). Antara syarat-syarat untuk menjadi seorang ketua kampung ialah:

- i. Umur diantara 30-55 tahun.
- ii. Mesti bermaustatin sekurang-kurangnya 2 tahun.
- iii. Mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan am, menulis, membaca dan hukum-hukum agama.

Tok Empat yang pertama di kampung Lubuk Kelubi dipilih oleh orang-orang kampung dengan cara pilihan sebulat suara. Pada masa itu, pilihan beliau itu dipersetujui oleh penghulu dan pegawai daerah. Beliau mendapat surat tauliah daripada Sultan Selangor. Pada masa sekarang Tok Empat dipilih oleh orang kampung. Pemilihan dilakukan pada hari Jumaat kerana pada hari itu semua penduduk akan datang bersebanyak jumaah. Pemilihan dilakukan selepas sebanyak berjumaah dengan cara angkat tangan. Tok Empat di kampung ini dipilih secara sebulat suara oleh penduduk yang hadir pada hari itu tanpa bangkangan dari mana-mana pihak. Sebab utama beliau mendapat sekongan yang penuh dari semua pihak ialah kerana beliau adalah menjadi imam pada rasa itu. Selain dari itu, nama beliau adalah nama yang disyorkan oleh penghulu dan pegawai daerah. Setelah dipilih, Tok Empat diberi surat kuasa yang ditanda tangani oleh Pegawai Daerah Ulu Langat, Setiausaha Kerajaan negeri Selangor dan Menteri Besar Selangor. Pada masa sekarang Tok Empat mendapat bonus sebanyak \$700/- setahun.

Di Kampung Labuhan Dagang, pemilihan Wak Lurah adalah berlainan dari yang terdapat di kampung Lubuk Kelubi. Sesama mengadakan pemilihan untuk menggantikan ketua kampung yang keempat, seramai empat calon telah dikemukakan, termasuklah Wak Lurah sekarang. Wak Lurah sekarang adalah dari keturunan Melayu Bugis dan lawan-lawannya adalah dari keturunan Jawa. Penduduk kampung Labuhan Dagang mahukan anak tempatan keturunan Jawa untuk menggantikan Tok Mu, ketua kampung yang ketiga.

Pada mulanya, pengundian cara pilihanraya diadakan dimana penduduk kampung keluar membuang undi. Tidak terdapat keputusan yang memuaskan dan pihak penghulu mengambil keputusan untuk tidak memberitahu penduduk kampung Labuhan Dagang keputusan pilihanraya ketua kampung. Sebab utama keputusan pilihanraya ketua kampung tidak di-beritahu kepada penduduk kampung ialah kerana tidak seorang pun calon yang bertanding mendapat keputusan majoriti yang memuaskan dan seterusnya, keputusan pilihanraya tersebut akan menjadikan penduduk kampung itu berpuak-puak. Ini sudah tentu akan menjadikan solidariti penduduk kampung. Sebaliknya pula, penghulu dengan persetujuan pegawai daerah melantik Wak Lurah sekarang sebab-sebab berikut:

- i. Wak Lurah adalah anak angkat dan ~~menantu~~ kepada ketua kampung yang ketiga.
- ii. Pengalamannya lebih luas dari calun-calun lain kerana semasa ketua kampung yang ketiga menjadi Wak Lurah, beliaulah menguruskan hal surat menyurat.
- iii. Wak Lurah adalah seorang bekas guru. Beliau selalu pergi ke pejabat daerah bila bapa angkatnya uzur.

Pada permulaan lantikan Wak Lurah sebagai ketua kampung yang keempat, beliau tidak mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari penduduk kampung. Penduduk kampung berasa ragu-ragu untuk menerima beliau kerana beliau adalah keturunan Bugis dan bukan pula anak tempatan. Disebabkan pengalamannya yang luas dalam bidang pentadbiran kampung, akhirnya,

Wak Lurah dapat diterima oleh majoriti penduduk kampung Labuhan Dagang. Seperti ketua kampung Lubuk Kelubi, Wak Lurah juga diberikan surat kuasa yang disampaikan oleh penghulu selepas sembahyang jumaah hari Jumaat supaya semua orang kampung yang datang bersembahyang pada hari itu dapat diberitahu. Seterusnya, lantikan ketua kampung itu dapat pula diberitahu kepada kaum wanita kerana mereka tidak bersembahyang jumaah pada hari Jumaat. Pada masa sekarang, Wak Lurah dibantu oleh beberapa orang ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). JKKK pula akan mengajukan permohonan orang-orang kampung kepada pihak Majlis Daerah dan melaksanakan segala permohonan yang telah diluluskan. Tugas ketua kampung lebih merupakan tanggung jawab sosial walaupun tidak ada keuntungan material kerana berjaya atau tidaknya sesuatu permohonan itu bukanlah ditangan ketua kampung.

### 5.3 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Lubuk Kelubi terdiri daripada sebelas orang semuanya. Mereka ini adalah orang-orang yang paling berpengaruh di dalam kampung. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik oleh penghulu diketuai oleh Tok Empat. Lain-lain ahli jawatankuasa ialah Imam dan Nazir masjid, ketua belia, ketua beliananis, ketua kaum ibu, ketua RELA dan empat orang wakil penduduk kampung. Jawatankuasa ini mempunyai peranan untuk merangkakan pembangunan kampung melalui projek-projek yang dirancangkan.

Sebelum tahun 1975, jawatankuasa ini dikenali dengan nama Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) tetapi bila ketua RELA diserapkan ke dalam jawatankuasa (JKK) maka namanya bertukar menjadi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Dengan ini peranannya lebih meluas lagi dari JKK kerana JKKK juga merupakan penyelaras keselamatan mukim dan membentras kegiatan penyalahgunaan dadah. Penulis diberitahu bahawa beberapa kes penyalahgunaan dadah telah diambil tindakan oleh pihak polis dengan kerjasama ahli-ahli JKKK. JKKK kampung ini memainkan peranan yang penting dalam perlaksanaan Buku Merah iaitu menyediakan infrastruktur untuk kemudahan penduduk. Diantara rancangan Buku Merah yang telah dijalankan dengan inisiatif JKKK ialah pembinaan jambatan gantung, jalan ke Sungai Cangkak dan jalan ke Ulu Perdek. Rancangan yang sedang dirancangkan ialah bekalan air yang cukup untuk setiap rumah. Penulis selalu mendengar rungutan penduduk kampung Lubuk Kelubi kerana kekurangan bekalan air.

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) mempunyai pertalian yang erat dengan penghulu dan wakil rakyat. Wakil rakyat sedapat mungkin akan cuba memenuhi permintaan-permintaan dari penduduk kampung seperti mendapatkan kemudahan paip air dan jalan. Wakil rakyat pula bukan sahaja memenuhi permintaan-permintaan tersebut bahkan cuba pula mengemukakan projek-projek yang tertentu semata-mata untuk kepentingan politiknya. Contohnya, rancangan perumahan PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) mengeluarkan borang-borang permohonan melalui ahli-ahli JKKK. Mungkin perlakuan seperti itu dapat

mengwujudkan perhubungan yang bertimbabalik seperti yang dikatakan oleh Malinowski<sup>2</sup>. Pada pemerhatian penulis, JKKK Lubuk Kelubi masih lagi lemah kerana ia terlalu bergantung sangat kepada wakil rakyat untuk membuat projek-projek kemajuan di kampung. Sebenarnya, JKKK Lubuk Kelubi seharusnya mengutarakan projek-projek tersebut kepada Majlis Daerah untuk mendapatkan kelulusan.

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Labuhan Dagang<sup>3</sup> (JKKK) mempunyai ahli seramai dua belas orang. Setiap ahli jawatankuasa mengetuai satu bahagian yang telah ditentukan. Pengurus JKKK ialah Wak Lurah yang menjadi pengurus PIBG (Persekutuan Ibubapa Guru) dan ketua RELA. Ahli-ahli JKKK yang lain terdiri daripada Imam Akad Nikah, wakil KEMAS, setiausaha masjid, ketua belia, ketua seksyen ekonomi, ketua seksyen kesihatan, ketua seksyen binaan, ketua hal ehwal pertanian dan wakil Rancangan Desa Usaha (RDU). Setiap tahun ahli-ahlinya bertambah kerana persekutuan belia melantik ketua yang baharu sedangkan ketua yang lama terus menjadi ahli JKKK.

Walaupun dalam JKKK Labuhan Dagang mempunyai bahagian-bahagian yang tertentu, peranannya masih lagi lembab kerana tidak ada kerjasama yang erat di kalangan ahli-ahli JKKK kerana terdapat perbezaan pendapat di antara golongan tua dan muda. Penulis sendiri pernah mendengar kritik-kritik dari belia-belia terhadap Wak Lurah yang menjadi pengurus JKKK. Kritikan ini dibuat tanpa pengetahuan Wak Lurah kerana penduduk disini tidak berani menentangnya secara

bersemuka kerana ini mungkin berlakunya konflik.

#### 5.4 Politik

Sehingga tahun 1948, selepas Persekutuan Tanah Melayu menggantikan Malayan Union, sikap majoriti orang-orang Melayu terhadap politik adalah lebih bersifat Communalistic dan kemelayuan. Orang-orang Melayu bersatupadu, untuk pertama kalinya, dibawah satu pertubuhan iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946 dengan slogan " Hidup Melayu " (Abdul Latiff, 1959).

Di Kampung Lubuk Kelubi, kesedaran politik sudah lama bertapak dikalangan orang-orang kampung. UMNO merupakan parti politik yang tunggal di kampung ini. Tidak ada parti-parti lain yang menubuhkan cawangannya di kampung ini. Oleh kerana tidak ada alternatif parti-parti yang lain, maka UMNOlah merupakan parti politik yang menjadi saluran kepada penduduk kampung untuk memberitahu masalah-masalah yang dihadapi. Seperti yang terdapat di Kampung Raja Uda, penduduk kampung yang tidak mengikut menjadi ahli UMNO sudah tentu akan disingkir oleh pengikut-pengikut UMNO. Walaupun di kampung-kampung sekitar terdapat cawangan Parti Islam Setanah Melayu (PAS), kampung Lubuk Kelubi masih tetap menyokong UMNO kerana pada pemerhatian penulis, wakil rakyat<sup>4</sup> di kawasan ini selalu menemui Tok Empat membincangkan masalah penduduk kampung. Tok Empat ini adalah seorang ahli UMNO tetapi beliau tidaklah seaktif ketua kampung Raja Uda.

Di kampung Labuhan Dagang pula, selain daripada UMNO wujud

sebuah parti iaitu Parti Islam Setanah Melayu (PAS) yang disertai oleh segolongan kecil penduduk yang tidak puas hati dengan UMNO. UMNO di kampung Labuhan Dagang dibahagikan kepada dua cawangan iaitu cawangan-cawangan Labuhan Dagang dan Layang-Layang Labi. Pada perhatian penulis, cawangan PAS dan kedua-dua cawangan UMNO di kampung ini tidak mempunyai pejabat yang tetap. Cawangan UMNO Labuhan Dagang dan cawangan PAS, masing-masing menggunakan rumah ketuanya sebagai pejabat. Manakala cawangan UMNO Layang-Layang Labi pula menggunakan rumah seorang ahlinya yang mempunyai status yang tinggi<sup>5</sup>.

Cawangan PAS di kampung Labuhan Dagang hanya aktif pada masa menjelang pilihanraya<sup>6</sup> sahaja. Sedangkan di masa-masa yang lain mereka adalah bersifat pasif. Cawangan-cawangan UMNO pula adalah lebih aktif dan dari perhatian penulis kedua-dua cawangan UMNO itu bersaing hebat antara satu sama lain sehingga wujud konflik antara cawangan tersebut. Selain dari itu, cawangan UMNO Layang-Layang Labi sentiasa berwaspada terhadap kegiatan parti lawan. Umpamanya, bila ada ura-ura untuk membubarkan cawangan Parti Tindakan Demokrat (DAP), ada diantara ahli-ahli UMNO menyuarakan rasa gelisah mereka semasa mesyuarat cawangan diadakan. Cawangan UMNO Layang-Layang Labi menghadapi banyak masalah termasuklah masalah kewangan. Untuk mengatasi masalah itu, cawangan ini mengambil keputusan untuk memungut derma disamping kutipan yuran daripada ahli-ahli.

#### 5.5 Konflik

Di kampung Lubuk Kelubi, konflik secara terbuka tidak pernah

berlaku antara penduduk di situ. Menurut Sharifah Zalehan, penduduk tempatan dan penduduk sementara di kampung Tanjung Dawai selalu berkonflik kerana penduduk sementara tidak diterima sebagai 'orang kita'. Tambahan pula, golongan itu dianggap agresif dan berpuak-puak. Di kampung Kepayang (Rokiah, 1966) wujud konflik antara golongan adat dan 'modern oriented'. Begitu juga dikalangan 'modern oriented', wujud pula konflik antara golongan ultra moden dan golongan moden. Keadaan seperti diatas tidak wujud di kampung Lubuk Kelubi. Golongan pendatang di kampung ini kebanyakannya datang dari kampung-kampung sekitar. Oleh kerana mereka mempunyai pertalian kekeluargaan maka dengan mudah pula mereka dapat menyesuaikan diri dengan cara kehidupan kampung ini. Jelasnya, penduduk tempatan dapat menerima mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat kampung ini.

Di kampung Labuhan Dagang pula, terdapat beberapa konflik yang berlaku dikalangan penduduknya. Konflik yang pertama ialah konflik pemilihan ketua kampung. Konflik ini wujud bila calun-calun yang bertanding untuk merebut jawatan ketua kampung itu mengadakan kempen-kempen untuk memburuk-burukkan antara satu sama yang lain. Ini menyebabkan wujudnya kumpulan-kumpulan tertentu yang berpuak-puak membuat tuduhan-tuduhan tertentu. Umpamanya, Wak Lurah sekarang dicap sebagai 'orang luar' kerana beliau bukan anak tempatan dan bukan pula berketurunan Jawa. Konflik ini dapat diredukan bila penghulu dan pegawai daerah mengambil keputusan untuk melantik Wak Lurah sekarang menjadi ketua kampung.

Konflik yang kedua ialah konflik antara cawangan UMNO Labuhan Dagang dan cawangan UMNO Layang-Layang Labi berkenaan dengan pertunjukan wayang gambar yang dianjurkan oleh cawangan UMNO Layang-Layang Labi. Cawangan Labuhan Dagang tidak membenarkan cawangan UMNO Layang-Layang Labi untuk mengadakan pertunjukan tersebut di Sekolah Kebangsaan Labuhan Dagang kerana kawasan tersebut berada dalam kawasan cawangan Labuhan Dagang. Cawangan UMNO Layang-Layang Labi terpaksa beralih dalam hal ini dan mengadakan di padang Sekolah Kebangsaan Bukit Tadun.

Konflik ketiga ialah antara penyokong-penyokong UMNO dan PAS. Konflik ini berlaku semasa kempen pilihanraya umum<sup>7</sup> tahun ini (1978). Konflik ini berpunca bila tiba masa menampal poster. Pihak PAS merasa tersinggung bila pihak UMNO kedua-dua cawangan menampalkan gambar-gambar seorang pemimpin PAS yang seolah-olah sedang minum minuman keras. Penyokong-penyokong kuat PAS telah datang ke bilik gerakan UMNO cawangan Layang-Layang Labi untuk merampas poster-poster yang masih dalam simpanan penyokong-penyokong UMNO. Tindakan koyak mengoyak poster-poster telah menyebabkan berlakunya pergaduhan antara penampal-penampal poster kedua-dua parti tersebut. Selepas pilihan raya, konflik ini masih lagi berterusan diantara penyokong-penyokong kuat kedua-dua parti tersebut. Pada perhatian penulis, konflik ideologi tersebut telah menyebabkan beberapa keluarga yang mempunyai pertalian kekeluargaan telah tidak bertegur sapa.

Lanjutan dari konflik tersebut, maka penyokong-penyokong

kuat PAS telah membuka tanah kerajaan secara haram. Penduduk kampung Labuhan Dagang memanggil tanah haram itu sebagai tanah berontak. Tanah berontak tersebut adalah tanah hutan simpanan yang terletak di Lubuk Kundang. Kira-kira 75 orang penduduk kampung ini yang telah menyertai pembukaan tanah berontak. Terdapat juga segelintir ahli-ahli UMNO sendiri yang telah mengikut perbuatan ahli-ahli PAS tersebut kerana timbulnya perasaan tidak puas hati mereka terhadap beberapa orang pemimpin UMNO.

---

Notakaki-notakaki:

<sup>1</sup> Pelawat-pelawat tersebut adalah pegawai-pegawai pertanian dari Terengganu, Pahang, Perak dan pegawai-pegawai FELDA yang datang untuk mempelajari teknik-teknik menyemai kop. Selain daripada itu terdapat juga pelajar-pelajar dari Universiti Pertanian Malaysia yang membuat latihan amali di kampung ini.

<sup>2</sup> Hubungan timbalbalik (act of reciprocity) adalah mengikut istilah Malinowski, manakala Firth (1951) menggunakan basic compensation merujuk kepada perkara yang sama.

<sup>3</sup> JKKK Labuhan Dagang tidak termasuk dalam senarai JKKK yang terdapat di negeri Selangor (lihat Penyata Rasmi Dewan Negeri Selangor, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Keempat. Hari Rabu dan Khamis bersamaan 8hb.Jun dan 9hb.Jun, 1977).

<sup>4</sup> Wakil Rakyat di kawasan ini adalah seorang wakil UMNO. Beliau juga adalah seorang ahli EXCO negeri.

<sup>5</sup> Ahli UMNO tersebut mempunyai status yang tinggi berdasarkan beberapa faktur. Antara faktur-faktur yang menentukan statusnya ialah sifat-sifat keperibadiannya, seorang Haji, dan merupakan seorang yang kaya di kampung itu.

<sup>6</sup> Pada masa pilihanraya umum pada 7hb.Julai, 1978 baru-baru ini calun PAS adalah ahli PAS kampung Labuhan Dagang. Calun UMNO

adaiah dari kawasan lain.

7 Kempen pilihanraya umum tahun 1978 tidak membenarkan rapat-rapat umum. Hanya kempen dari rumah ke rumah sahaja dibenarkan. Kerajaan memberikan sebab-sebab keselamatan negara sebagai alasan tidak membenarkan rapat umum diadakan. Penampalan poster-poster mestilah mendapat permit dari pihak berkuasa terlebih dahulu.

Kempen pilihanraya umum pada tahun 1978 ini berlaku pada awal bulan Februari di Negeri Sembilan. Cawangan Kementerian dalam negeri Keluli telah mengeluarkan surat-cara untuk semua kerajaan daerah di Negeri Sembilan. Adat berperang seseorang mohon izin tetapi hanya suatu sidang yang terdiri daripada keturunan orang-orang besar, pengundi atau negoci itu. Surat maklumat ini diberikan kepada suatu yang pertama sekali dalam Adat Perpatih (surat nombor 751722). Selanjutnya, Adat perpatih tidak wajib di kemasukan keadaan kerana maklumat tidak berlandaskan dengan arca-arca adat seperti di Negeri Sembilan.

Menurut Mardhiqin, peraturan-peraturan yang ada menjadinya Adat Perpatih tidak hidup bersemua, mengikuti keadaan dan minat ilmu dan teknologi manusia. Menurutnya lagi, halau dilulus juga, rancangan dan amandemen Adat itu "disebut mati" (1975:61). Di kampung Lubuk Keluli, komsep buah pokok tidak wajib seperti di Negeri Sembilan. Sebaliknya pun, orang-orang Negeri Sembilan yang berhijrah ke kampung Lubuk Keluli mengikut Adat Temenggong yang dipersetujukan di kawangan-kawangan sekitarnya.

Bentuk peribahasan nabi-nabinya di kampung ini menarik minat yang agak besar sebab itu mengandungi sifat-sifat sotilisasi seperti

## BAB VI

### RUMUSAN DAN PENUTUP

Dari segi sejarah, orang-orang Minangkabau di Kampung Lubuk Kelubi tidak mempraktiskan Adat Perpatih seperti orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan. Orang-orang Minangkabau di Kampung Lubuk Kelubi telah menghalau orang-orang asli Temuan dari kampung itu. Di Negeri Sembilan, Adat Perpatih muncul kerana terdapatnya suku Biduanda yang terdiri dari keturunan orang-orang Sakai, penghuni asal negeri itu. Suku Biduanda ini dianggap sebagai suku yang pertama sekali dalam Adat Perpatih (Nordin Selat, 1975:222). Jelasnya, Adat perpatih tidak wujud di kampung Lubuk Kelubi kerana mereka tidak berasimilasi dengan orang-orang asli seperti di Negeri Sembilan.

Menurut Nordin Selat, peraturan-peraturan yang asas wujudnya Adat Perpatih ialah hidup bersuku, mengira keturunan dari nisab ibu dan sistem tanah pusaka. Menurutnya lagi, kalau diubah juga, runtuh dan musnahlah Adat itu " dicabut mati "(1975:5). Di kampung Lubuk Kelubi konsep tanah pusaka tidak wujud seperti di Negeri Sembilan. Sebab itu, Adat Perpatih di kampung ini musnah dan tidak diperaktiskan. Sebaliknya pula, orang-orang Minangkabau yang berhijrah ke kampung Lubuk Kelubi mengikut Adat Temenggung yang diperaktiskan di kampung-kampung sekitarnya.

Proses perubahan sosio-budaya di kampung ini memakan masa yang agak lama sebab itu unsur-unsur sistem matrilineal seperti

panggilan mamak dan Tok Empat masih lagi wujud. Jelasnya, sistem Adat Perpatih hancur kerana tidak wujudnya konsep tanah pusaka telah mempengaruhi struktur sosial di kampung ini. Pengaruh tanah pusaka telah mencorakkan kehidupan orang-orang Minangkabau dengan struktur sosial yang baru dan asing bagi mereka. Ini dapat dilihat ke atas jenis-jenis famili, pola-pola kekeluargaan, pilihan pasangan berkahwin, pola-pola tempat tinggal, organisasi-organisasi sosial dan politik.

Bentuk dan jenis famili yang wujud di kampung Lubuk Kelubi dan kampung Labuhan Dagang adalah lebih kurang sama. Menurut Nordin Selat (1975:23), seluruh Adat berasaskan tanah, yang dippunyai bersama dan didiami bersama oleh satu yunit Adat. Tanah pusaka ini, serta rumah dan sawah ladangnya tetap tidak boleh berkurang turun temurun. Di kampung Lubuk Kelubi konsep seperti tanah kepunyaan bersama tidak wujud. Jadi, jenis famili asas terbentuk akibat tidak adanya ikatan tanah seperti diatas. Famili asas di kampung Lubuk Kelubi adalah merupakan 45.83 peratus dari seluruh penduduknya berbanding dengan kampung Labuhan Dagang sebanyak 50.82 peratus. Jelasnya, famili asas adalah jenis famili yang terbesar di kedua buah kampung tersebut. Famili asaslah yang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan penduduk di kedua buah kampung tersebut. Ini selaras dengan fungsinya yang asas iaitu fungsi-fungsi seksual, ekonomi, reproduktif dan pelajaran seperti yang dikatakan oleh Murdock (1949:10). Dengan penjelasan tersebut, penulis menolak pendapat Linton (1936:153) yang

mengatakan bahawa famili asas tidak memainkan peranan yang penting dalam kebanyakan masyarakat.

Dari segi pola-pola kekeluargaan, penulis dapati terdapat perbezaan yang ketara antara kedua buah kampung tersebut. Walaupun penduduk kampung Lubuk Kelubi majoritinya terdiri daripada orang-orang Minangkabau, mereka tidak mengamalkan sistem Adat Perpatih seperti yang telah dinyatakan diatas. Ini disebabkan tidak adanya tanah pusaka untuk dikerjakan oleh anggota-anggota kekeluargaan dan seterusnya, telah melemparkan obligasi hubungan timbalbalik antara mamak dan anak-anak saudara perempuannya. Sebaliknya pula, mereka mengamalkan sistem Adat Temenggung (lihat bab II). Jelasnya, penduduk kampung Lubuk Kelubi mengamalkan sistem patrilineal yang lebih menitikberatkan pihak lelaki daripada pihak perempuan. Ini adalah berlainan daripada yang terdapat di kampung Labuhan Dagang yang penduduknya terdiri daripada orang-orang Jawa yang mengamalkan sistem bilateral. Jelasnya, pihak lelaki dan pihak perempuan mempunyai obligasi yang kuat terhadap keluarga sebelah bapa dan keluarga ibu.

Dari segi perkahwinan, pasangan lelaki dan pasangan perempuan di kampung Lubuk Kelubi lebih suka memilih pasangan-pasangan yang dilahirkan dari lain-lain tempat di Selangor (lihat jadual 3.4 dan jadual 3.41) daripada pasangan yang dilahirkan di kampung sendiri. Perkahwinan dengan anak mamak seperti dalam rajah 3.4

tidak dapat diteruskan kerana tidak ada harta pusaka yang boleh diturunkan untuk pasangan tersebut. Ini adalah sangat berbeza daripada pasangan-pasangan yang terdapat di kampung Labuhan Dagang yang lebih suka memilih pasangan yang dilahirkan di kampung itu sendiri (lihat jadual 3.42 dan jadual 3.43) daripada pasangan yang dilahirkan di tempat-tempat lain. Latarbelakang pertanian yang ada pada pasangan-pasangan di kampung ini akan dapat mengekalkan dan memajukan kegiatan pertanian yang merupakan mata pencarian mereka yang utama. Satu lagi perbezaan yang ketara ialah pasangan lelaki di kampung Lubuk Kelubi memilih perempuan yang dilahirkan di Sumatera dengan tujuan untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Berlainan di Kampung Labuhan Dagang, tidak ada pasangan lelaki yang memilih perempuan yang dilahirkan di pulau Jawa.

Selain dari itu terdapat perbezaan yang jelas antara kedua buah kampung dari segi faktur pemilihan jodoh. Di Kampung Lubuk Kelubi faktur ekonomi sangat diutamakan. Ini disebabkan kampung Lubuk Kelubi sangat berhampiran dengan bandar-bandar seperti Kajang dan Kuala Lumpur yang dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan terutamanya di sektor perkilangan. Perubahan pekerjaan tradisional kepada pekerjaan di sektor perkilangan itu mungkin disebabkan tanah di kampung ini tidak begitu sesuai untuk aktiviti-aktiviti pertanian. Kawasan kampung ini adalah berbukit-bukit dan aktiviti-aktiviti pertanian adalah sangat terhad. Jelasnya, kehidupan penduduk kampung ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan alam sekitarnya.

Di kampung Labuhan Dagang pula, faktur keturunan merupakan faktur yang utama. Penduduk di kampung ini menitikberatkan keturunan Jawa dan sebab itu lebih ramai pasangan yang memilih lelaki dan perempuan yang dilahirkan di kampung ini. Walaubagaimanapun, pasangan yang berkahwin di kedua buah kampung ini diberi kebebasan dalam memilih pasangan masing-masing oleh kedua ibubapa mereka. Sejak se-puluh tahun yang lepas, tidak terdapat lagi pasangan yang berkahwin dengan lelaki ataupun perempuan dari Sumatera dan pulau Jawa. Ini disebabkan kawalan yang ketat oleh pihak imigresen Malaysia dan Indonesia.

Dalam masa dua puluh tahun (1957-1977), kadar perceraian di kedua buah kampung tersebut adalah yang paling rendah. Hanya terdapat 7 kes perceraian berlaku yang dapat dikesan oleh penulis berbanding dengan hanya 4 kes perceraian di kampung Labuhan Dagang. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi sebab-sebab berlakunya perceraian. Di kampung Lubuk Kelubi, buatan orang adalah salah sebab satu berlakunya perceraian. Menurut Beattie (1976:213) keadaan yang serupa berlaku dikalangan masyarakat Zande di Afrika dimana seorang bomoh boleh mencederakan atau membunuh mangsanya dengan menggunakan alat-alat ataupun ubat-ubatan yang tertentu. Menurut Zainal Kling, komuniti Melayu luar bandar di Saribas, Sarawak mengaitkan perbuatan magis ini dengan cara seru dan puja yang dapat mengintai semangat (Dahlan, 1976:79). Jelasnya, perbuatan magis ini boleh membunuh seseorang jika bomoh itu sendiri tidak mengubatinya. Perbuatan

magis seperti ini tidak terdapat di kalangan penduduk Labuhan Dagang.

Dari segi pola tempat tinggal juga terdapat perbezaan antara kedua buah kampung tersebut. Di kampung Lubuk Kelubi, pola matrilocal akan wujud untuk sementara dan kemudiannya berubah kepada pola neolocal. Berbanding dengan kampung Labuhan Dagang, pola bilokal akan wujud untuk sementara dan kemudian berubah ke pola neolocal. Pola neolocal ini wujud mungkin disebabkan oleh faktur pekerjaan. Seperti yang telah dinyatakan diatas, pekerjaan majoriti penduduk kampung Labuhan Dagang ialah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pertanian. Oleh sebab kedudukan kebun-kebun kopi, kelapa sawit, koko dan kelapa itu jauh dari rumah mereka maka adalah wajar bagi pasangan yang telah berkahwin untuk tinggal menetap di kawasan tersebut. Keadaan di kampung Labuhan Dagang ini tidak menepati kenyataan Murdock yang mengatakan, 'neolocal residence ordinarily evolves from a patrilocal basis, although both matrilocal and avunculocal origins are possible.' (1949:329). Jelasnya, disamping pola-pola yang dikatakan oleh Murdock diatas, pola bilokal juga berubah menjadi pola neolocal seperti yang terdapat di kampung Labuhan Dagang.

Dari segi pembahagian harta pusaka, perbezaan yang ketara dapat dilihat kerana penduduk kampung Lubuk Kelubi mengikut sistem patrilineal, sedangkan penduduk kampung Labuhan Dagang mengikut sistem bilateral. Seperti yang telah dibincangkan diatas, pembahagian harta pusaka di kampung Lubuk Kelubi berubah kepada sistem patrilineal.

kerana tidak ada tanah pusaka untuk diturunkan kepada anak-anak saudara perempuan mamak seperti dalam sistem matrilineal.

Pada idealnya, orang-orang Minangkabau di Lubuk Kelubi membahagi-bahagikan harta pusakanya mengikut hukum Faraid (Islam) tetapi pada praktisnya, mereka membahagi-bahagikan harta kepada anak-anak lelaki dengan matlamat-matlamat yang tertentu. Berlainan dengan orang-orang Jawa, mereka membahagi-bahagikan harta pusaka samarata baik di pihak anak-anak lelaki maupun di pihak anak-anak perempuan.

Sistem upah telah menggantikan gotong royong bersifat ekonomi di kedua buah kampung tersebut. Pada pemerhatian penulis keadaan perubahan ini wujud disebabkan sistem upah tersebut bukan sahaja dapat menyiapkan kerja-kerja dengan segera mengikut perjanjian yang telah ditetapkan bahkan lebih luas lagi kawasan pertanian dapat diusahakan tanpa menggunakan tenaga mereka sendiri. Sikap mementingkan material telah mula meresap terutama sekali, di kampung Labuhan Dagang. Umpamanya, segala aktiviti seperti menebas, membaja, memunggut hasil dan pengangkutan tanaman seperti kelapa sawit, kopi dan koko adalah melibatkan sistem upah.

Sistem upah mempunyai pertalian yang rapat dengan penggunaan tanah di Kampung Labuhan Dagang. Bertambah luas tanah yang dikerjakan untuk kegiatan pertanian maka bertambah pula tenaga upahan yang diperlukan oleh tuan-tuan tanah di kampung ini. Gotong royong tidak dapat dijalankan kerana ukuran tanah yang luas itu adalah diluar

kemampuan tenaga kerja ahli-ahli famili dan saudara maranya. Jelas nya, ikatan perpaduan dikalangan ahli-ahli gotong royong telah berubah kepada sifat yang lebih individualistik. Ini merupakan salah satu ciri perubahan nilai-nilai hidup masyarakat Melayu pada masa ini. Walaubagaimanapun, gotong royong berbentuk sosial seperti kenduri kahwin, membersih tanah perkuburan dan sebagainya masih lagi dapat dikekalkan.

Banyak organisasi-organisasi baru yang muncul di kedua buah kampung. Penglibatan penduduk kedua buah kampung terhadap organisasi-organisasi seperti KEMAS dan RELA masih lagi belum memuaskan. Ini mungkin disebabkan penduduk kampung masih belum memahami fungsi dan faedah organisasi tersebut kepada mereka. Pada pandangan penulis, organisasi-organisasi seperti diatas hendaklah berusaha untuk menjalankan kempen-kempen kesedaran dikalangan penduduk kampung supaya matlamat dan tujuan organisasi tersebut dapat dipahami oleh penduduk di kedua buah kampung. Dengan adanya penglibatan penduduk dari kedua buah kampung tersebut maka sudah tentu keselamatan dan kemajuan kampung dapat dicapai.

Persatuan Belia yang ada di kampung Lubuk Kelubi dan di Kampung Labuhan Dagang juga merupakan satu lagi organisasi yang baru. Pada pemerhatian penulis, Persatuan Belia 4B di Kampung Lubuk Kelubi masih lagi bersifat pasif. Kekurangan ahli merupakan sebab utama persatuan ini tidak dapat bergerak. Selain daripada itu, kekurangan tanah di kampung ini menyebabkan kegiatan pertanian tidak dapat di-

jalan seperti yang dijalankan oleh persatuan belia kampung Labuhan Dagang. Berlainan dengan persatuan belia di kampung Labuhan Dagang, persatuan ini sungguh aktif bukan sahaja dalam bidang sukan dan pertanian bahkan dalam bidang politik. Sebab itu peranan ahli-ahli persatuan belia di kampung ini adalah complimentary dengan peranan Pergerakan Pemuda UMNO.

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kedua buah kampung tersebut pada idealnya nampak aktif dengan berbagai-bagai kegiatan seperti yang dinyatakan dalam bab V. Sebenarnya, terdapat kelemahan-kelemahan yang tertentu di kedua buah kampung tersebut. JKKK kampung Lubuk Kelubi adalah terlalu bergantung sangat kepada wakil rakyat. Wakil rakyat memang mudah untuk menabur janji semata-mata untuk kepentingan politiknya. Umpamanya, projek <sup>Y</sup> permaianan PKNS di kampung tersebut disalurkan kepada JKKK. Dari segi praktisnya, hanya penyokong UMNO yang aktif sahaja diberikan borang. Mereka yang tidak aktif dalam UMNO sering diketepikan dan dicap sebagai penyokong parti pembangkang. Di kampung Labuhan Dagang pula pertentangan antara golongan muda dengan Wak Lurah menunjukkan kelemahan JKKK di kampung itu sendiri. Walaupun JKKK di kampung ini mempunyai ahli yang ramai (12 orang), perpaduan yang sebenar dikalangan ahli tidak wujud. Pendapat-pendapat golongan muda selalunya diketepikan walaupun ianya memberi faedah kepada penduduk kampung. Jelasnya, JKKK di kedua buah kampung tersebut hendaklah bergerak dengan lebih inisiatif dan bersatupadu agar segala projek dan masalah penduduk-

penduduk kampung dapat disalurkan kepada Majlis Daerah masing-masing untuk dipertimbangkan dan diambil tindakan.

Dari segi kegiatan politik pula, kampung Lubuk Kelubi lebih merupakan kawasan UMNO yang sudah establish. Sebab itu, pengaruh parti pembangkang seperti parti PAS sukar untuk bertapak disini. Berlainan dengan kampung Labuhan Dagang, parti UMNO terpaksa menghadapi saingan yang hebat dari parti PAS. Konflik antara UMNO dan PAS ini sampai kemuncaknya pada masa pilihanraya umum dimana berlaku pergaduan antara penyokong-penyokong parti. Perpaduan penduduk kampung telah terjejas akibat dari paham Ideologi parti yang berlainan. Kesan yang paling buruk ialah dikalangan ahli-ahli yang ada kaitan kekeluargaan pun boleh berselisih paham akibat konflik tersebut. Jelasnya, konflik seperti diatas pada perhatian penulis dapat mengekalkan keadaan kampung Labuhan Dagang. Ini adalah selaras dengan pendapat Coser (1956:137) yang mengatakan, ' it makes possible a reassessment of relative power and thus serves as a balancing mechanism which helps to maintain and consolidate societies. '

Kepimpinan dalam masyarakat Melayu selalunya dikaitkan dengan ketua kampung dan juga penghulu. Jika dibandingkan dengan penghulu, ketua kampung mempunyai status yang lebih tinggi. Ini disebabkan hubungan perseukaan dengan penduduk kampung adalah lebih rapat jika dibandingkan dengan penghulu yang terpaksa menjaga kampung-kampung lain di dalam mukimnya. Tok Empat di kampung Lubuk Kelubi

mempunyai status yang paling tinggi di kampungnya kerana beliau pernah menjadi Imam. Tambahan, pula, ketokohan beliau dalam bidang keagamaan masih belum dapat ditandingi oleh orang-orang lain di kampung itu. Di kampung Labuhan Dagang pula, Wak Lurah mendapat saingan yang kuat daripada golongan kaya yang juga mempunyai status yang tinggi. Ketua kampung sekarang hanya menunaikan tanggungjawab pada masyarakat (social responsibility) tanpa keuntungan dari segi material. Ini disebabkan beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk meluluskan permohonan atau pun bantuan kerajaan. Oleh itu sewajarnyalah pihak Majlis Daerah yang bertanggungjawab meluluskan setiap projek JKKK menghantar seorang ahli jawatankuasanya memberi panduan dan pandangan untuk menggerakkan lagi kegiatan JKKK selaras dengan fungsi Majlis Daerah itu sendiri (lihat lampiran I).

Penghijrahan belia-belia ke bandar-bandar menimbulkan masalah kepada golongan wanita dan golongan tua yang tinggal di kampung. Proses perubahan sosial yang dikatakan oleh Firth (1967) adalah bermula dari dalam masyarakat atau dipercepatkan oleh faktur-faktur luaran. Disebabkan kampung Lubuk Kelubi hampir dengan bandar-bandar seperti Kajang dan Kuala Lumpur maka proses perubahan itu adalah lebih cepat kerana menurut Mac Iver dan Page (1970) bandar adalah pusat perubahan. Selain dari itu, perubahan ke arah famili asas merupakan satu trend baru dalam kehidupan masyarakat Melayu. Keadaan di kampung Lubuk Kelubi adalah menepati pendapat Abdul Kahar (1963:220) yang mengatakan:

"..With this trend towards the greater independence of the nuclear family, the strength of the sentiment towards non-familial kin is very much the basis for fulfilment of kin obligation...."

Di kampung Labuhan Dagang. Kadar perubahan sosial adalah lebih perlahan dari kampung Lubuk Kelubi kerana jaraknya yang jauh dari bandar-bandar besar. Masalah penghijrahan belia ke bandar tidak seburuk keadaan di kampung Lubuk Kelubi. Kegiatan pertanian merupakan aktiviti ekonomi yang paling penting dalam kehidupan mereka. Kekurangan tanah merupakan masalah yang sering dikemukakan kepada Wak Lurah dan JKKK kampung Labuhan Dagang. Sebab itu pembukaan tanah berontak tidak diambil tindakan oleh pihak berkuasa buat masa ini. Fenomena tanah berontak ini muncul dari kesan konflik yang berlaku. Jelasnya, keadaan struktur sosial di kampung Labuhan Dagang ini mempengaruhi kemunculan fenomena tersebut. Pada pendapat penulis, kerajaan hendaklah membuka lebih banyak lagi tanah-tanah baru yang sesuai dengan pertanian untuk mengatasi masalah kekurangan tanah. Di samping itu, dikalangan penduduk kampung Labuhan Dagang haruslah sedar tentang pentingnya perpaduan dikalangan mereka. Penulis berpendapat kegiatan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang pasif hendaklah digiatkan lagi. Selain daripada itu, penubuhan syarikat kerjasama yang dianggotai oleh semua penduduk kampung hendaklah ditubuhkan agar dapat bergiat dalam lapangan perniagaan untuk mengatasi monopoli golongan tertentu.

Dari keterangan-keterangan yang telah dijelaskan di atas, penulis dapati perkaitan antara tanah dan kehidupan penduduk kampung Lubuk Kelubi dan kampung Labuhan Dagang sangat rapat. Perubahan dari segi pekerjaan, jenis famili, pola kekeluargaan, pilihan pasangan, pola tempat tinggal, sistem upah, pembahagian harta pusaka dan kegiatan belia di kedua buah kampung itu banyak dipengaruhi oleh penggunaan tanah. Jelasnya, alam sekitar di kedua buah kampung tersebut mempunyai pengaruh yang besar terhadap struktur sosial. Di sebaliknya pula, kemunculan fenomena tanah berontak menunjukkan bahawa struktur sosial juga boleh mempengaruhi alam sekitar seperti yang terdapat di kampung Labuhan Dagang itu. Kesimpulannya, alam sekitar dan struktur sosial adalah saling pengaruh mempengaruhi dalam kehidupan penduduk di kedua buah kampung tersebut.

Walaupun kajian ini memberi penekanan ke atas struktur sosial di kedua buah kampung tersebut, masih terdapat lagi beberapa aspek yang tidak disentuh oleh penulis secara mendalam. Aspek-aspek seperti magis dan perubatan tradisional termasuklah institusi dukun tidak dapat dinyatakan dalam kajian ini kerana kesuntukkan masa. Diharapkan kajian ini dapat memberikan gambaran mendalam tentang struktur sosial dan perkaitannya dengan alam sekitar. Seterusnya, diharapkan kajian ini dapat menambahkan lagi bahan-bahan penulisan tempatan tentang masyarakat Melayu semasa. Diharapkan juga kajian ini dapat meneruskan lagi kajian-kajian yang serupa keatas masyarakat Melayu keturunan Bugis, Palembang, Kerinci dan Mendailing dan seterus-

nya membuat perbandingan dengan kajian yang ada.

## BIBLIOGRAFI

Buku-Buku Rujukan:

- Alisjahbana, S. Takdir 1966 Revolusi Masyarakat dan Kebudayaan di Indonesia. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Beattie, John 1966 Other Cultures. Routledge and Kegan Paul Ltd., London.
- Coser, Lewis A 1956 The Functions of Social Conflict. The Free Press, Glencoe.
- Dahlan, H.M. (ed.) 1976 The Nascent Malaysian Society: developments, trends and problems. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Djamour, Judith 1959 Malay Kinship and Marriage in Singapore. L.S.E. Monographs on Social Anthropology No.21,
- Firth, Raymond 1951 Elements of Social Organisation. Watts and Co., London.
- Fox, Robin 1967 Kinship and Marriage: An Anthropological Perspective. Penguin Books.
- Geertz, Hildred 1961 The Javanese Family: A Study of Kinship and Socialization. The Free Press, Glencoe.
- Gouldner, Alvin W. (ed.) 1965 Studies in Leadership and Democratic Action. Russell and Russell Inc., New York.
- Gullick, J.M. 1970 Sistem Politik Bumiratera Tanah Melayu Barat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Himes, Joseph S. 1967 The Study of Sociology. Scott, Foresman and Co., Madras.

- Husin Ali, Syed 1977 Masyarakat dan Kepimpinan Kampung Di Malaysia. Penerbit Fajar Bakti Sdn., Bhd, Kuala Lumpur.
- Josselin de Jong, P 1974 Minangkabau and Negri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia. Xerox Uni. Microfilms Ann Arbor, Michigan.
- Koentjaraningrat, Prof. 1961 Some Social Anthropological Observations of Gotong Rojong Practices in Two Villages of Central Java. Modern Indonesia Project, Cornell University, Ithaca, New York.
- \_\_\_\_\_. (ed.) 1971 Manusia dan Kebudayaan di Indonesia. Penerbit Djambatan, Djakarta.
- Leach, E.R. 1964 Political Systems of Highland Burma. A Study of Cachin Social Structure. The Athlone Press, New York.
- Levi-Strauss, 1969 The Elementary of Kinship. Eyre and pottiswoode, London.
- Linton, Ralph 1936 The Study of Man. D. Appleton-Century, New York.
- MacIver, R.M. and Charles H. Page 1970 Masyarakat: Satu Analisa Permulaan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Morgan, Lewis 1970 Syseums of Consanguinity and Affinity of the Human Family. Anthropological Publications, The Smithsonian Institutions, Washington.
- Murdock, George Peter 1949 Social Structure. The Macmillan Co., New York.
- Nordin Selat 1975 Sistem Sosial Adat Perpatih. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 1976 Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Radcliffe-Brown, A.R. 1963 Structure and Function in Primitive Society. Cohen and West Ltd., London.
- Sadka, E. 1970 The Protected Malay States 1874-1895. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Sidi Gazalba, Drs. 1967 Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Pustaka Antara, Djakarta.
- Smelser, Neil J.(ed.) 1967 Sociology: An Introduction. John Wiley and Sons Inc., New York.
- Swettenham, F.A. 1908 British Malaya: an account of the origin and progress of British influence in Malaya. J. Lane, London.
- Swift, M.G. 1965 Malay Peasant Society in Jelebu. The Athlone Press, New York.
- Takaya, Y and H. Fukui 1977 Some Ecological Observation on Rice-Growing in Malaysia. Seminar on the Problem of Rice-Growing Villagers in Malaysia, PEA, Universiti Malaya.
- Tugby, Donald 1977 Cultural Change and Identity: Mendailing Immigrants in West Malaysia. University of Queensland, St.Lucia, Queensland.
- Wilson, Peter J. 1967 A Malay Village and Social Values and Rural Development. Hraf Press, New Haven.
- Winstedt, Richard 1961 The Malays: A Cultural History. Routledge and Kegan Paul Ltd., London.
- Majalah dan Jurnal:  
Abdul Kadir Yusof Mengenal Adat Perpatih:  
Struktur dan Organisasinya dalam  
Dewan Masyarakat, 15 April 1972,  
Jilid X, Bil.4.

- Radcliffe-Brown, A.R. 1963 Structure and Function in Primitive Society. Cohen and West Ltd., London.
- Sadka, E. 1970 The Protected Malay States 1874-1895. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Sidi Gazalba, Drs. 1967 Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Pustaka Antara, Djakarta.
- Smelser, Neil J.(ed.) 1967 Sociology: An Introduction. John Wiley and Sons Inc., New York.
- Swettenham, F.A. 1908 British Malaya: an account of the origin and progress of British influence in Malaya. J. Lane, London.
- Swift, M.G. 1965 Malay Peasant Society in Jelebu. The Athlone Press, New York.
- Takaya, Y and H. Fukui 1977 Some Ecological Observation on Rice-Growing in Malaysia. Seminar on the Problem of Rice-Growing Villagers in Malaysia, PEA, Universiti Malaya.
- Tugby, Donald 1977 Cultural Change and Identity: Mendailing Immigrants in West Malaysia. University of Queensland, St.Lucia, Queensland.
- Wilson, Peter J. 1967 A Malay Village and Social Values and Rural Development. Hraf Press, New Haven.
- Winstedt, Richard 1961 The Malays: A Cultural History. Routledge and Kegan Paul Ltd., London.
- Majallah dan Jurnal:  
Abdul Kadir Yusof Mengenal Adat Perpatih:  
Struktur dan Organisasinya dalam  
Dewan Masyarakat, 15 April 1972,  
Jilid X, Bil.4.

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| Shamsul Bahrin, Tunku | The Growth and Distribution of Indonesian People in Malaya dalam <u>Bijdragen</u> , S. Gravenhage-Martinus Nijhoff, 1969.  |
| Sulaiman Masri        | KEMAS Meningkatkan Mutu Kehidupan Desa dalam <u>Dewan Masyarakat</u> , 15 Feb 1977, Jilid XV, Bil.2.                       |
| Tan Keng Sooi         | Demography and the Social Structure of the Malays of Kuala Kedah dalam <u>Development Forum</u> , Vol.VI, No.1, June 1976. |

### Lapuran:

Census Report of Malaya, 1947

**Federated Malay States (FMS) Report, 1898.**

Latihan Ilmiah/Tesis

- |                      |      |  |
|----------------------|------|--|
| Abdul Kahar Bador    | 1963 | <u>Kinship and Marriage Among the Negri Sembilan Malays.</u><br>MA. Dept.of Anthropology,<br>LSE,Uni.Of London.  |
| Abdul Latiff Sahar   | 1959 | <u>Political Attitudes of the Malays 1945-1953.</u><br>B.A. Hons.,Uni.of Malaya,<br>Singapore.   |
| Abdul Razak Abdullah | 1966 | <u>Penghulu-Penghulu di Mukim Ayer Baloi. Satu Kajian Sejarah, Sistem, Tugas dan Pengaruh.</u> B.S. Jabatan Pengajian Melayu,Uni.Malaya.                       |
| Anwar Jani           | 1977 | <u>Satu Kajian Demografi Sosial Ke Atas Penduduk-Penduduk di Labuhan Daging, Banting, Selangor.</u> B.A. Jabatan Antropologi dan Sociologi, Universiti Malaya. |

Hussin Ali, Syed	1962	<u>Social Stratification in Kg.</u> <u>Bagan (A Study of Class,</u> <u>Status, Conflict and Mobility in</u> <u>Rural Malay Community).</u> M.A. Universiti Malaya.
Mazidah Zakaria	1967	<u>Susunan Ekonomi dan Social</u> <u>Kampung Changkat Larang,</u> <u>Kawasan Simpanan Melayu, Perak.</u> Tesis M.A. Universiti Malaya.
Mohd Nawi Latif	1977	<u>Satu Kajian Demografi Sosial</u> <u>Ke Atas Penduduk Kampung Lubuk</u> <u>Kelubi, Ulu Langat, Selangor.</u> Latihan Ilmiah B.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
Nahariah Hussain	1966	<u>Pentadbiran dan Pimpinan di</u> <u>Jajahan Ulu Langat.</u> B.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
Rokiah Talib	1966	<u>Konflik dan Integrasi dalam</u> <u>Masyarakat Perubahan</u> (Kg.Kepayang). B.A. JPM. Universiti Malaya.
	1969	<u>Komuniti Melayu Bandaran,</u> <u>Kg.Raja Uda.</u> Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
Shamsul Bahrin, Tunku	1964	<u>The Indonesians in Malaya</u> ( <u>A Study of the Pattern of</u> <u>Migration Into Malaya).</u> Tesis M.A. University of Sheffield.
Sharifah Zalehan S.Hasan	1973	<u>Masyarakat di Kg.Tanjung Dawai.</u> Tesis M.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.